

Adat Perpatih
Suatu Pemeriksaan
Kembali

Oleh. NORHALIM HAJI IBRAHIM

ADAT PERPATIH NEGERI SEMBILAN: SUATU

PEMERIKSAAN KEMBALI.

Norhalim bin Hj Ibrahim

1. Pendahuluan

Masyarakat Negeri Sembilan dan adatnya yang dikenali sebagai adat perpatih telah banyak diperkatakan orang, baik oleh sarjana-sarjana barat mahupun tempatan, samada secara popular mahupun secara ilmiah. Kebanyakan dari penulisan tersebut adalah berbentuk menguraikan atau perubahan membina kembali secara ilmiah sistem-sistem, struktur-struktur atau organisasi-organisasi adat, dan perubahan yang telah dan sedang berlaku kepada adat tersebut; tetapi kurang sekali penulisan yang mempersoalkan tentang konsep adat itu dan amalannya sehari-hari. Ini termasuklah persoalan samada sistem dan konsep adat perpatih di Negeri Sembilan itu sama seperti sistem dan konsep adat di daerah asalnya, Minangkabau.

Adat perpatih Negeri Sembilan ini telah dibawa oleh orang-orang Minangkabau. Penghijrahan orang-orang Minangkabau ke rantau¹nya mungkin bermula sejak zaman awal kurun masehi lagi. Namun tidak ada bukti-bukti untuk menyokong andaian ini. Mungkin stupa di Muaro Takuih² dapat memberi sedikit petunjuk kepada andaian ini.

¹ Rantau di sini bermaksud koloni tanpa kata penerangan imperialis, yang langsung di bawah pengawasan istana Pagarruyung.

² Schnitger, F.M., 1964, Forgotten Kingdom in Sumatra, E.J. Brill, Leiden.

Kepastian ini akan diperolehi jika ada bukti-bukti kuat yang menyokong hipotesis Poerbatjaraka mengenai tulisan di Batu Bersurat Kedukan Bukit yang tertulis pada tahun 682 Masehi¹. Antara hipotesisnya ialah bahawa istilah Minangakanwar (Minangatawan menurut Coedes, dan Minangahanwar mengikut van Ronkel) itu adalah nama kunu bagi Minangkabau atau nama asal Sungai Kampar². Selanjutnya, kepastian juga akan diperolehi jika kita dapat menunjukkan bahawa Dapunta Hyang, ketua ekspedisi yang menjumpai Sriwijaya di Palembang itu adalah nama lain bagi Yang Dipatuan, seperti yang disarankan oleh Wilkinson³. Tetapi malangnya kebenaran hipotesis-hipotesis ini tidak dapat ditentukan. Dengan itu agak sukar bagi kita untuk memastikan yang orang-orang Minangkabau telah mula berhijrah dizaman gelap sejarah Indonesia.

Naman, satu tarikh tentang penghijrahan awal orang-orang Minangkabau ke Semenanjung dapat dipastikan kalau kita menerima pendapat Marsden⁴ yang menyatakan bahawa rombongan orang Sumatra yang dipimpin oleh Sri Tri Buana, yang umumnya dianggap oleh ramai penulis dan pembahas Sejarah Melayu sebagai berasal dari Palembang, sebenarnya adalah dari Minangkabau. Kenyataan ini telah disokong oleh Wolters⁵. Jadi, dari pernyataan ini, dapatlah kita menganggarkan

University

¹ Coedes, C., 1968, The Indianized States of Southeast Asia, of Malaya Press, K. Lumpur, hlm. 24-32.

² Poerbatjaraka, 1952, Riwayat Indonesia, Balai Pustaka, Djakarta, hlm. 34-35

³ Wilkinson, R.J., 1935, 'Early Indian Influence', dlm. JMBRAS, 13, hlm. 7.

⁴ Marsden, W., 1811, The History of Sumatra, J.M. Geary, London, ed. ke tiga repr., Oxford University Press, K. Lumpur, 1966, hlm. 333.

⁵ Wolters, O.W., 1970, The Fall of Sriwijaya in Malay History, Cornell University Press, Ithaca, N. York, hlm. 2.

bahawa tarikh penghijrahan tersebut adalah disekitar abad ke 12.

Apa yang pasti ialah penghijrahan¹ besar telah berlaku di sekitar abad ke 14 dan berikutnya iaitu apabila berlaku perebutan politik di Minangkabau. Keadaan² yang tidak stabil ini telah mencepatkan orang-orang Minangkabau berpindah mencari tempat-tempat penempatan yang baru. Dan diantara rantau³ yang dibuka pada masa itu ialah negeri-negeri di Negeri Sembilan, dimulai dengan penerokaan Naning dan Rembau.

Rembau, iaitu sebagaimana Negeri Sembilan dikenali pada masa awal tersebut, mengikut kaba Minangkabau adalah sebuah rantau yang berada di bawah naungan Tuan Mangkhudum di Sumenik². Kenyataan yang menyatakan bahawa Rembau terletak di bawah naungan Tuan Mangkhudum adalah selari dengan peraturan Minangkabau yang menyatakan bahawa rantau adalah kawasan-kawasan dari mana Yang Dipatuan Minangkabau mendapatkan hasil. Dari kenyataan itu juga kita dapat tahu bahawa perhubungan langsung (setidak-tidak dari segi politik) antara Negeri Sembilan (Rembau) dengan Minangkabau hanya wujud di abad ke 14 kerana hanya pada kurun tersebut baru kedudukan Mangkhudum itu diwujudkan.

¹ Mengenai sebab-sebab atau motivasi penghijrahan, dulu dan sekarang, cuba lihat Mochtar Naim, 1979, Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau, Gajah Mada Universiti Press, Yogyakarta, hlm. 61-67 dan Bab VI, hlm. 227-299.

² Rasjid Manggis, Dt. Radjo Panghosloe, M., 1971, Minangkabau, Sejarah Ringkas dan Adatnya, Penerbit Sridharma, Padang, hlm. 48. Tuan Mangkhudum ini dipanggil juga Aluang Dunian Koto Piliang. Tugas beliau adalah menjadi bendahari Koto Piliang disamping berfungsi sebagai Menteri Urusan Kerajaan dan Wilayah Rantau.

Dari huraian ringkas di atas satu lagi permasalahan boleh ditimbulkan. Rembau atau Negeri Sembilan bukanlah satu-satunya rantau Minangkabau; tetapi salah satu dari yang banyak¹. Namun diantara rantau-rantau itu hanya Rembau atau Negeri Sembilan sahaja yang menamakan adatnya Adat Perpetih. Malahan Minangkabau sendiri, iaitu tempat di mana lahirnya dan matinya orang yang menyusun sistem itu (Sutan Balun atau lebih terkenal dengan gelaran Datuk Perpatih nan Sebatang) tidak menamakan adatnya adat perpatih tetapi adat Minangkabau sahaja ! Jadi apakah pentingnya nama itu kepada masyarakat Rembau atau Negeri Sembilan?

Untuk memberikan jawapan yang ilmiah dan rasional kepada persoalan ini penyelidikan dan penganalisaan yang intensif adalah diperlukan. Dan ^{kertas} rencana ini, yang bertujuan untuk memberikan pandangan dan perbincangan ringkas mengenai konsep-konsep utama sistem adat Negeri Sembilan amnya dan Rembau khususnya dengan serba sedikit perbandingan dengan sistem yang wujud di Minangkabau, tidak akan cuba menyelesaikan masalah baru tadi kerana ia adalah terkeluar dari skop perbincangan.

2. Kedatangan Orang Minangkabau dan Perlantikan Undang Rembau

2.1. Waris Biduanda Jakun

Tradisi memberitahu bahawa penghijrahan orang-orang Minangkabau

¹ Antara lain, rantau Minangkabau adalah: Sungai Pegu, Banda X, Indrapura, XII Koto, VII Koto, Sungai Lansek, Kuantan, Indragiri, XIV Koto, Kampar, Siak Indrapura, Pasaman, Tiku Pariaman, dan Padang-Tarusan.

telah sampai ke Rembau disekitar tahun 1338 Masehi (773 Hijrah)¹.

Kumpulan awal ini diketuai oleh dua orang Datuk iaitu Tok Lela Balang² dari suku Paya Bidara³, Batu Hampar⁴ Minangkabau, dan Tok Laut Dalam dari Paya Kumbuh⁵.

Mengikut Parr dan Mackray lagi, pada masa itu penduduk Rembau adalah terdiri dari orang-orang asli puak Jakun yang diketuai oleh Batin Sekudai. Tok Lela Balang telah berkahwin dengan Tok Bungkal, salah seorang daripada anak perempuan Batin Sekudai. Perkahwinan ini telah mewujudkan satu ~~bapa~~^{ayku} ~~datu~~ suku waris Biduanda Jakun⁶ Rembau.

Perkahwinan antara Tok Lela Balang dengan Tok Bungkal ini telah menghasilkan seorang anak lelaki yang diberi nama Sri Rama⁷. Dengan mengikut amalan sistem nisabibu negeri asalnya dan menuntut hal pewarisan dari pihak isterinya sebagai waris negeri, Tok Lela

¹ Newbold, T.J., 1839, British Settlements in the Straits of Malacca, Vol. II, John Murray, London, repr. Oxford University Press, K. Lumpur, 1971. hlm. 77; Kalau mengikut Philips, C.H. (ed.), 1951, Handbook of Oriental Studies, Office of the Royal Historical Society, London, tarikh ini ialah 1371 T.M.

² Parr, C.W.C. dan Mackray, W.H., 1910, 'Rembau, One of the Nine State', dlm. JSEBAS, 56, hlm. 3.

³ *ibid.*

⁴ *ibid.* hlm. 6.

⁵ Tidak disebutkan sukunya. Selanjutnya, kalau kedua-dua datuk ini adik beradik, sebagai yang dinyatakan oleh Parr dan Mackray maka mereka mungkin adalah satu bapa berlainan ibu yang menyebabkan mereka tinggal di tempat yang berasingan dan mungkin berlainan suku.

⁶ Abas Hj Ali, 1953, Rembau, Sejarah, Perlembagaan Adat dan Istiadatnya, Jabatan Undang dan Perlembagaan Rembau, hlm. 1.

⁷ Mengikut cerita mulut Rembau Sri Rama mempunyai 4 orang adik perempuan iaitu: Tok Siti, Tok Padang, Tok Lijah dan Tok Mak Raman.

Balang telah menjadikan Sri Rama penghulu suku baru tersebut¹. Dan dengan restu Sultan Melaka yang menetap di Johor, Sri Rama telah dilantik pula menjadi penghulu atau Undang bagi 'negeri' Rembau dengan gelaran Datok Lela Maharaja.

Daripada legenda di atas beberapa faktor harus diambil perhatian dan dianalisa. Pertamanya, Sri Rama, walaupun mempunyai ayah keturunan atau berasal dari Minangkabau, tidak dapat menganggap dirinya sebagai 'orang Minangkabau'. Dalam sistem sosial Minangkabau yang penting untuk menentukan keturunan ialah ibu dan bukan ayah. Sebagai contoh kita lihat kedudukan Dang Tuanku, Yang dipertuan Raja Alam Minangkabau yang hidup disekitar tahun 1500 Masehi. Mengikut Kaba Cindue Mato baginda tidak mempunyai ayah kerana ianya dilahirkan selepas ibunya, Ratu Bundo Kandung meminum air kelapa keramat. Walaupun demikian 'cara kelahirannya', Dang Tuanku tetap berstatus dan dianjung tinggi oleh masyarakat Minangkabau.

Dalam kes Sri Rama, kalaulah sistem sosial Minangkabau telah diamalkan, dia adalah seorang Jakun. Dengan itu dia berhak menjadi ketua sukunya - suku Biduanda Jakun. Tetapi, bolehkah Sri Rama menjalankan adat Minangkabau yang mempunyai falsafah dan konsep yang kompleks? Apa yang mungkin berlaku di sini ialah: Sri Rama hanya merupakan sebuah 'patung' yang dikendalikan oleh ayahnya, Tok Lela Balang, iaitu orang yang dilahirkan di Minangkabau.

¹ Parr dan Mackray, 1910. op. cit. hlm. 4, Abas Hj Ali, 1953, op. cit., hlm. 5.

Kalaulah demikian keadaannya, maka timbul pula persoalan kedua. Legenda di atas tadi menyatakan bahawa Tok Lela Balang, apabila sampai ke Rembau telah berkahwin dengan anak perempuan Batin Sekudai. Ini secara tidak langsung menyatakan bahawa semasa di Minangkabau, besar kemungkinan yang beliau maseh bujang dan/mungkin maseh muda. Tok Lela Balang sebagai seorang bujang ataupun maseh muda berkemungkinankah beliau mempunyai pengetahuan dan fahaman yang mendalam dalam sistem adatnya. Apa yang harus kita ingat di sini ialah: di Minangkabau seseorang lelaki itu, selagi ia kecil ia tinggal di rumah ibunya; tetapi "setelah mulai agak dewasa tapi belum kahwin ia tinggal di surau bersama kawan-kawanya yang sama-sama belum kahwin"¹. Tegasnya, sebagai orang bujang, Tok Lela Balang belum berapa masak tentang falsafah dan konsep adat yang dibawa oleh Sutan Balun. Dari itu bagaimanakah beliau berkemampuan untuk menjalankan adat tersebut sebagaimana yang diamalkan di tanah asalnya.

2.2. Waris Biduanda Jawa

Selanjutnya tradisi Rembau menyatakan bahawa pemimpin Minangkabau yang seorang lagi, Tok Laut Dalam, sebelum sampai ke Rembau telah pun beristeri dengan seorang perempuan Jawa. Semasa ke Rembau isterinya ini ada dibawa bersama. Anak cucunya,

¹ Umar Junus, 1977, 'Masyarakat Minangkabau Sebagai dilihat oleh Tiga Novelis yang Mempunyai Latarbelakang Sosio-budaya yang Berbeza', dlm. Dewan Bahasa, 24(4), hlm. 222.

dengan pengiktirafan Sultan Johor telah berjaya mendapatkan kebesaran dan hak yang sama tarafnya dengan waris Biduanda Jakun. Untuk mengokohkan lagi keadaan ini, Tok Laut Dalam telah mengahwinkan Siti Hawa, anak perempuannya yang tua, yang mengikut adat Minangkabau adalah seorang Jawa, dengan Sri Rama. Keturunan dari gabungan antara Sri Rama dengan Siti Hawa ini telah mewujudkan waris 'Biduanda' Jawa.

Dengan penetapan itu maka pesaka Undang Rembau telah disandang secara bergilir-gilir diantara keturunan sebelah perempuan anak cucu Tok Lela Balang (waris Biduanda Jakun) dengan keturunan sebelah perempuan Tok Laut Dalam (Waris Biduanda Jawa).

Tradisi yang berkaitan dengan Tok Lela Balang dan penubuhan suku Biduanda Jawa ini menampakkan beberapa faktor penyelewengan dari tradisi adat Minangkabau, malahan lebih dari lagenda Sri Rama seperti yang dihuraikan di atas tadi. Adat Minangkabau sangat kuat dengan larangan perkahwinan (terutama sekali dizaman awal adatnya) dengan orang luar adat disamping mengharuskan sama sekali perkahwinan sesama suku. Dengan lain perkataan, sistem Minangkabau menggalakkan perkahwin indogami taraf nagari¹ dan mengharuskan indogami sesama. Orang Minangkabau yang berkahwin dengan orang 'asing'

¹ Nagari di Minangkabau adalah organisasi politik dan sosial yang tertinggi yang terdiri dari beberapa kampung yang berdekat-dekatan.

atau luar nagari "akan dihukum berat, lebeh-lebeh lagi si gadis. Dia akan dibuang adat"¹. Jadi, bagaimanakah kedudukan Tok Laut Dalam dan isterinya di Minangkabau? Adakah kedatangannya ke Rembau itu disebabkan oleh dibuang adat? Saandainya demikian ~~keadaannya~~, maka bagaimanakah Tok Laut Dalam, orang yang telah melanggar pantang larang adat, boleh menjalankan adat yang dinodainya?

Tradisi tadi juga telah dengan jelas menyatakan bahawa isteri Tok Laut Dalam bukannya orang Minangkabau dan juga bukannya orang asli yang berhak mewarisi pesaka negeri. Dan kalaulah adat Minangkabau telah diiktiraf sebagai sistem resmi masyarakat itu, maka Tok Laut Dalam hanyalah orang sumando. Menurut fatwa adat Minangkabau, kedudukan orang sumando, iaitu menantu, adalah di luar sistem kekeluargaan isterinya dan dia adalah seperti abu di atas tunggul². Sebagai orang luar beliau tidak berkuasa atas perjalanan sistem suku isterinya. Bagitu juga isterinya; beliau, ~~tidak~~ sebagai bangsa asing, seperti juga Raja Adityawarman (1347 T.M.) yang termasuk raja yang paling berkuasa diantara raja-raja Minangkabau³ dianggap sebagai tidak beratur-berakar dalam masyarakatnya. Dengan itu anak yang lahir dari persatuan ini, tidak seperti Sri Rama, tidak berhak langsung ke atas pesaka memerintah negeri atau luak Rembau.

¹ Saanin Dt. Tan Pariaman, H.H.M., 1980, 'Kepribadian Orang Minangkabau dan Psikopatologinya', kertaskerja yang dibentangkan dlm Seminar Internasional mengenai Kesusasteraan, Kemasyarakatan dan Kebudayaan Minangkabau, Bukittinggi, hlm. 8.

² Masroen, M., 1957, Dasar Falsafah Adat Minangkabau, Penerbit Bulan Bintang, Djakarta, cetakan kedua, 1971, hlm. 33.

³ *ibid.*

Dari perbincangan di atas jelaslah bahawa kalau mengikut adat Minangkabau, tuntutan keluarga Tok Laut Dalam ke taraf waris adalah tidak sah kerana dalam kes ini darah yang mengalir dalam tubuh keturunan Tok Laut Dalam bukannya darah orang asli tetapi adalah darah Jawa. Namun, kalaulah yang berkahwin itu anak lelaki Tok Laut Dalam dengan salah seorang dari adik perempuan Sri Rama maka anak mereka adalah dianggap sebagai dari keturunan waris Jakun dan berhak mempesakai waris negeri. Apa yang harus berlaku ialah, Tok Laut Dalam sebagai salah seorang ketua peneroka awal diberi hak menjadi ketua atau lembaga kepada suku yang ditubuhkannya - mungkin suku Jawa ! Tidak lebih dari itu. Tetapi apa yang berlaku hari ini keturunannya telah diberikan taraf suku 'Biduanda' walaupun tiada darah orang asli yang mengalir.

Penyelewengan tentang memberi taraf waris negeri atau kuasa memerintah kepada ahli-ahli dari suku yang bukan Biduanda ini tidak hanya berlaku di Rembau, tetapi juga di beberapa buah luak yang lain di Negeri Sembilan. Antaranya ialah Luak Terachi. Di Luak Terachi, Penghulunya yang bergelar Datok Injah Pahlawan adalah bergilir dalam suku Sri Lemak Pahang¹. Ahli-ahli dari suku Biduanda di sana hanya mempesakai taraf Datok Lembaga yang bergelar Datok Raja Biduanda. Keadaan di Luak Gunung Pasir agak berlainan sedikit. Luak terakhir ini melantik penghulunya dari suku Tanah Datar dengan

¹ Sheehan, J.J. dan Abd. Aziz, 1936, 'Adat Kuala Pilah', dlm JMERAS, 14(3), hlm. 193.

gelaran Datuk Orang Kaya Setiawan; tetapi di Gunung Pasir tidak ada suku Biduanda¹.

2.3 Suku Waris

Di Rembau, keturunan suku waris (Biduanda Jakun dan Biduanda Jawa) telah meneroka lapan buah penempatan atau kampung². Tiap-tiap kampung itu terdiri dari satu perut yang diketuai oleh seorang buapak. Buapak-buapak ini akan melantik seorang lembaga bagi suku waris yang digelar Datuk Perba³.

Dalam struktur wibawa adat di Rembau, kedudukan Datuk Perba ini adalah unik. Di dalam suku Biduanda, Undang, sebagaimana juga anakbuah yang lain harus menumpukan taat setianya kepada Datuk Perba. Tetapi, pada masa yang sama, Datuk Perba, sebagaimana juga lembaga-lembaga yang lain di Rembau, harus juga patuh kepada Undang sebagai ketua negeri.

Dalam suku waris ini, disamping Datuk Perba terdapat empat orang lagi ketua adat. Keempat orang ini yang berlegar Datuk Shahbandar, Datuk Mangkubini, Datuk Menteri Lela Perkasa dan Datuk

¹ op. cit. hlm. 194.

² Di Minangkabau dizaman perkembangannya, istilah kampung telah menjadi istilah sosiologi yang bermaksud suku.

³ Jawatan ini mungkin telah diwujudkan diawal tahun 1800 iaitu semasa pemerintahan Undang Datuk Lela Maharaja Ngonit (memerintah 1819-1838) - lihat surat 32 dlm U.R.(M) 3/03 dan 46 dlm. U.R.(M) 3/03. Disamping Luak Rembau dan Ulu Muar, jawatan Datuk Perba tidak wujud di lain-lain Luak di Negeri Sembilan. Di Ulu Muar Datuk Perba ialah salah seorang dari yang bakal menjadi Penghulu - lihat Sheehan dan Abd Aziz, 1936, op. cit., hlm. 193.

Raja Diraja¹. Mereka ini, yang dikenali juga sebagai orang besar Undang atau disebut juga waris gadang, adalah dilantik terus oleh Undang. Tugas mereka adalah sebagai "penyuluh Undang terhadap lembaga"² disamping menasihatkan Undang dalam urusan dan pentadbiran adat. Sungguhpun dalam hairaki struktur adat mereka duduk di bawah lembaga tetapi lembaga "tidak boleh menuntut bela" atau memecat mereka kerana hanya Undang sahaja yang boleh berbuat apa-apa ke atas mereka³.

Oleh sebab mempunyai kedudukan yang sedemikian, diabad yang lalu, mereka ini telah dijadikan alat oleh berbagai-bagai kuasa (antaranya ialah Undang Rembau sendiri, Undang Sungai Ujong, Yang Dipertuan Besar dan Sultan Johor) dalam perebutan kuasa untuk mendapatkan kawalan politik dan hak memugut cukai.

Di Rembau, disamping empat orang ketua adat itu, Datuk Perba juga memainkan peranan; malahan beliaulah yang menjadi kunci kepada pertikaian tersebut. Seperti yang dinyatakan di atas tadi, kedudukan Datuk Perba yang agak luar biasa itu sendiri telah, dengan secara tidak

¹ Cara perlantikan keempat orang Besar ini adalah berbeza-beza: Datuk Shahbandar bergilir-gilir dikalangan waris Jakun dan Jawa; Datuk Mangkubumi hanya bergilir dikalangan ahli waris Jawa Kampung Tanjung; Datuk Menteri Lela Perkasa bergilir dikalangan ahli waris Jakun Kampung Chengkau, dan Datuk Raja Diraja pula hanya bergilir dikalangan ahli-ahli waris Jakun Kampung Chembung. - Abas Hj. Ali, 1953, op. cit., hlm. 38-39.

² *Ibid*, hlm. 42.

³ *ibid*, hlm. 43.

langsung mewujudkan ~~dua~~ orang pemimpin dalam satu suku, dengan tiap-tiap orang cuba menjadi lebih berkuasa dari yang lain.

Persaolan disini ialah adakah kewujudan orang besar Undang ini selaras dengan sistem politik Minangkabau? Di Minangkabau sememang terdapat institusi yang terdiri dari empat orang ketua; tetapi kewujudan mereka adalah kerana keperluan sejarah dan untuk menjaga keutuhan sistem sosial masyarakat Minangkabau sendiri; iaitu hendak memecahkan kem^utlakan kuasa raja - Adityawarman¹. Institusi yang dimaksudkan di sini ialah basa ampek balai yang dapat dikatakan sebagai Dewan Empat Menteri kepada Rajo nan Tigo Solo². Basa nan Ampek Balai tersebut adalah terdiri dari Datuk Bandaro Putih di Sungai Tarap (Perdana Menteri), Tuan Indomo di Saruaso atau disebut juga Payueng Panji (Menteri Dalam Negeri dan kehakiman), Tuan Kadi di Padang Cantieng atau Sulueh Bendang (Menteri Hal ehwal agama) dan Tuan Pangkudun di Sumaniek atau Alueng Dunian (Menteri hal ehwal kewangan dan rantau).

Walaupun di Minangkabau wujud institusi tersebut namun tugas mereka tidak bersamaan dengan tugas orang besar Undang di Rembau;

¹ Adityawarman telah ada di bumi Sumatra dalam tahun 1347. Ini adalah berdasarkan tulisan yang ada dibelakang patung Amogapasa di mana dia membandingkan dirinya dengan Gajah Mada. lihat Rouffaer, C.P., 1918, "Oudheidkundige Opmerkingen", dl^o, BKI, 74, hlm. 163-166.

² Institusi yang wujud sebelum Basa Ampek Balai yang juga bertujuan untuk mendesentralistikan kuasa mutlak Adityawarman. Mereka itu ialah: Rajo Adek di Buo, Rajo Ibadek di Lumpur Kuduik dan Rajo Alam iaitu Adityawarman sendiri. Mereka dikenali juga sebagai Tun^{ku} nan Tigo Sejarangan atau Tali Sapilien Tigo. Mansoer, A.B. dll., 1970, Sedjarah Minangkabau, Bhratara, Djakarta, hlm. 63-64.

melainkan Datuk Shahbandar yang bertugas memungut cukai dari orang yang hilir mudik di sungai¹ mungkin bersamaan dengan tanggungjawab Tuan Mangkudum di Sumaniak dan Datuk Raja Diraja yang pada mulanya bertugas sebagai Kadi² ~~yang~~ mungkin serupa dengan Tuan Kadi di Padang Centieng. Selanjutnya, pewujudan orang besar Undang ini tidak selaras dengan sebab kewujudan Basa Ampek Balai di Minangkabau. Jawatan besar Undang ini tidak diadakan serentak tetapi dalam jarak masa lebih dari 40 tahun dan disebabkan oleh faktor-faktor tertentu yang berlainan pula diantara sama dengan yang lain³.

2.4. Pertambahan Suku

Dengan bertambah ramai para penghijrah datang ke Rembau, bilangan suku semakin bertambah. Penghijrahan yang bukan dari Minangkabau seperti dari Jambi, Jawa dan Siam telah diserapkan ke dalam suku-suku Minangkabau yang sedia ada, dengan membawa nama seperti suku Anak Aceh, yang secara tidak langsung mengingatkan kepada proses pembentukan yang sama semasa pewujudan suku Melayu dan Pandahiling di Minangkabau. Padatang-pendatang baru ini, selari dengan adat di

¹ Abad Hj Ali, 1953, op. cit., hlm. 38.

² ibid, hlm. 39.

³ Datuk Shahbandar dilantik oleh Sultan Johor dua abad yang lalu, dan kuasa nya untuk memungut cukai telah hilang disekitar tahun 1800-05 iaitu apabila Rembau mempunyai Yantuan Muda; Datuk Mangkubumi juga telah dilantik oleh Sultan Johor akibat dari pertelingkahan merebut jawatan Undang disekitar tahun 1790; jawatan Datuk Menteri Lela Perkasa adalah kurniaan Yantuan Radin disekitar tahun 1837-38; dan Datuk Raja Diraja ~~pada~~ juga dikurniaan oleh Yantuan Radin untuk mendapatkan sokong orang Cherbung dalam perebutan kuasa di Sri Menanti di sekitar tahun 1830an. Lihat Abas Hj Ali, 1953, op. cit., hlm. 38-39.

Minangkabau, sebagai yang teratur dalam perbilangan "enggon man-cakau, tabang basitumpu", telah diberikan tanah untuk dijadikan tempat tinggal.

Berbaza dengan Minangkabau di mana pendatang baru harus tunduk kepada atau mengikut sistem sosial pentadang yang lebih awal, di Rembau, penekanan nampaknya adalah lebih kepada merendahkan diri seorang ketua (yang baru) kepada seorang ketua lain (yang lama)¹. Jadi di Rembau, kuasa ketua adalah lebih ditekankan daripada kuasa suku dengan ketua bertindak hanya sebagai wakilnya. Keadaan yang sedemikian ini telah membawa Rembau ke dalam pergelutan kuasa di kalangan ketua-ketua suku² sebagai individu; sedangkan pergaduhan di Minangkabau adalah berpusat kepada pergelutan antara suku-suku atau kadangkala diantara nagari.

Sejarah Rembau dan juga Negeri Sembilan memberikan banyak contoh dimana pemimpin-pemimpin yang berpengaruh cuba meluaskan atau menguasai wilayah-wilayah dan hak mengutip cukai². 'Peperangan' di Minangkabau, samada antara suku atau negeri adalah hasil dari samada pertelingkahan mengenai garis sempadan wilayah ataupun berikutan dari satu penghinaan. Dalam pergaduhan-pergaduhan ini, yang selalunya tidak diketuai oleh seorang pemimpin tertentu, batu-batu telah dilontarkan ataupun senapang ditembakkan ke udara dan tidak

¹ Lihat contoh bagaimana terkeluarnya beberapa buan suku dari ikat yang dua belas di Rembau. Abu Hj Ali, 1953, op. cit. hlm. 54-55.

² Ini sangat jelas disekitar tahun-tahun sebelum kemasukan Inggeris di Negeri Sembilan. Antara lain lihat: Loh Fook Seng, Philip, 1972, The Malay States 1877-1895, Oxford University Press, K. Lumpur; Khoo Kay Kim, 1972, The Western Malay States, 1850-1873, Oxford University Press, K. Lumpur; Norhalim Ibrahim, 1977, 'The Yang Dipertuan Besar of Negeri Sembilan and the Yang Dipertuan Muda of Rembau', dlm. Warisan, 4/5 Persatuan Sejarah Malaysia cawangan Negeri Sembilan, hlm. 16-40.


langsung mengakibatkan sebarang kemalangan jiwa. Temuan akan balik ke rumah apabila rasa marah telah hilang.

3. Struktur dan Wibawa Politik dan Sosial

Tingkatan wibawa di Negeri Sembilan atau di Rembau adalah seperti kata perbilangan:

Orang semenda pada tempat semenda,
 Anak buah kepada buapak,
 Buapak kepada lembaga,
 Lembaga kepada Undang;
 Undang kepada Keadilan.

Ini dapat digambarkan seperti berikut:



Gambarajah I: Struktur Paradigmatik Mairaki Politik Tradisi
Luak Rembau.

3.1. Orang Semenda¹

Paris pertama dalam perbilangan di atas menyatakan bahawa orang semenda iaitu lelaki yang berkahwin ke dalam sesuatu keluarga adalah tunduk kepada tempat semenda iaitu ahli-ahli keluarga isteri. Pizaman tradisi, selepas berkahwin pasangan baru itu akan diberi oleh tempat semendanya harta seperti kampung dan sawah iaitu tempat mencari makan². Selanjutnya, mengikut adat di Negeri Sembilan, selepas berkahwin orang lelaki (semenda) itu tinggal di rumah³ dan menjadi keluarga⁴ isterinya.

Di Minangkabau, sebagaimana yang dinyatakan di awal tadi, orang lelaki tidak bertempat melainkan sesudah berkahwin; "ia menginap di rumah isterinya dan ini boleh dikatakan terbatas pada waktu malam saja"⁵. Seorang lelaki yang telah berkahwin dijangka akan sampai ke rumah isterinya sebelum matahari jatuh dan akan meninggalkannya di waktu pagi. Pada siang-hari di harus menghabiskan masanya menguruskan kerja-kerja di tanah kepunyaan ibunya dan kakak atau/dan adik perempuannya. Walaupun keadaan telah berubah dan seseorang suami sekarang ini tinggal lebih lama di rumah isterinya ia tetap masih dianggap sebagai tetamu di rumah isterinya.

¹ Perkataan ini berasal dari perkataan Minangkabau sumando yang pula berasal dari kata sando yang bermaksud gadai. Kerana itu orang sumando atau semenda adalah lelaki yang sudah tergadai kepada keluarga isterinya - Muhammad Radjah, 1969, Sistem Kekorabatan Di Minangkabau, Center for Minangkabau Studies Press, Padang, hlm. 51.

² Sheehan dan Abd. Aziz, 1936, op. cit., hlm. 199.

³ Ibid.

⁴ Abas Hj Ali, 1953, op. cit., hlm. 102.

Seorang suami di Minangkabau tidak boleh bertingkah sewenang-wenang di rumah isterinya. Tetapi di Negeri Sembilan seorang suami itu berkuasa sebagai ketua rumah dan bertanggungjawab memelihara dan memelihara anak dan isteri. Keadaan ini telah dijelaskan dan ditetapkan oleh perbilangan adat Negeri Sembilan yang berbunyi seperti berikut:

Lengkungan suami yang empat

Orang Semenda yang punya;

dan

Kunci bini laki..

Jadi di Negeri Sembilan seorang suami itu adalah dianggap sebagai ahli kepada keluarga isterinya, iaitu sesuatu yang tidak disenangi oleh orang-orang di Minangkabau¹; namun adalah benar kalau dikatakan bahawa seseorang suami itu mengambil kedudukan merennan diri di rumah isterinya.

3.2. Buapak dan Lembaga

Kedudukan buapak adalah ternyata pada baris kedua perbilangan itu yang berbunyi: "anak buah kepada buapak". Di sini tidak dapat perbezaan konsep diantara kedua sistem tersebut. Perbezaan yang ada hanya dari segi istilah iaitu, di Negeri Sembilan ketua baji

¹ Taylor, F.M., 1903, 'Customary Law in Kelantan', ulu Jurnal, 7(1), hlm. 8; Josselin de Jong, P.E. de, 1951, Minangkabau and Negeri Sembilan, Martinus Nijhoff, The Hague, hlm. 174.

perut sentiasa bergelar buapak; sedangkan di Minangkabau di panggil mamak¹ atau tunggani².

Ketua bagi suku di Negeri Sembilan, seperti yang dinyatakan oleh perbilangan tersebut: "buapak kepada lembaga", adalah secara umum digelar lembaga³. Istilah lembaga wujud juga di Minangkabau iaitu limbago tetapi ianya membawa maksud institusi atau struktur politik seperti yang terdapat dalam kata perbilangan: "adek diisi, limbago dituangi"⁴. Wakil suku di Minangkabau dipanggil andiko⁵.

3.3. Undang

Baris keempat perbilangan tersebut menyatakan bahawa lembaga iaitu ketua suku tunduk kepada Undang iaitu pemimpin sesuatu luak di Negeri Sembilan.

Pada zaman sebelum kedatangan Inggeris kuasa Undang luas sekali; malahan kadangkala mencapai tahap kuasa mutlak. Kuasa ini terbayang dalam perbilangan:

Undang:

Boleh menghitam dan memutihkan,

Boleh memanjang dan memendekkan,

Boleh mengesah dan membatalkan.

¹ Josselin de, Jong, P.E. de, 1951, op. cit.

² Saanin Dt. Tan Pariaman, H.H.N., 1980, op. cit., hlm. 7

³ Tiap-tiap lembaga di Negeri Sembilan mempunyai gelaran khusus berdasarkan suku misalnya Suku Mungkal Rembau Baruh bergelar Datuk Samsura Pahlawan.

⁴ Yang bermaksud: seseorang itu harus memenuhi segala obligasi dan tanggungjawabnya sebagaimana yang diperlukan oleh adat, dan mengikut peraturan-peraturan nagari dan mengakui kewibawaan pemimpin-pemimpin berdasarkan status.

⁵ Saanin Dt. Tan Pariamin, H.H.N., 1980, ibid.

Dalam perlantikan lembaga misalnya: walaupun perlantikan seseorang individu itu telah dipersetujui oleh waris dalam perutnya, Undang boleh menolak perlantikan itu; dan Undang juga boleh memecat seseorang lembaga jika ia mahu, kerana ada perbilangan yang berbunyi: " lembaga itu: hidup matinya pada Undang"¹.

Disamping itu Undang juga mempunyai kuasa kehakiman yang tertinggi dalam luaknya walaupun ada perbilangan-perbilangan yang menyatakan bahawa Undang itu bertanggungjawab kepada Yang Dipertuan Besar (kalaulah keadilan dalam baris akhir perbilangan tersebut bermaksud Yang Dipertuan Besar !)². Antara perbilangan tersebut ialah:

Kata mencari kepada lembaga,

Sah batal kepada Undang,

Hidup mati kepada keadilan.

Dalam perbilangan di atas, keadilan mungkin merujuk kepada Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan yang antara lain bertanggungjawab menjatuhkan dan menjalankan hukum bunuh. Tetapi di Rembau sering kali segala kes-kes jenayah dan adat diselesaikan oleh Undang sendiri tanpa merujukkan kepada raja atau lain-lain badan tertentu. Misalnya dalam tahun 1880 Undang Rembau, Datuk Lela Maharaja Haji Sahil (1871-1883) telah menjatuhkan hukum mati

¹ Abas Hj Ali, 1953, op. cit. hlm. 56.

² Institusi Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan hanya wujud pada tahun 1773. Sebelum tarikh ini keadilan mungkin bermakna Undang dan Lembaga Tiang Balai; tetapi setakat manakah Undang merujukkan perkara-perkara jenayah kepada majlis tersebut adalah satu persoalan yang tidak mungkin dijawab, setidak-tidaknya perlakuan secara praktik.

ke atas seorang Jawa di kampung Nerasau¹. Dalam kes Haji Sahil ini beliau telah bertindak selaras dengan perbilangan:

Sah batal pada Undang,

Keris penyalang pada Undang.

Keadaan yang terakhir ini tidak ada persamaannya dengan kewibawaan ketua-ketua adat di Minangkabau; terutama sekali dalam sistem adat Bodi Caniago (iaitu kelompok orang-orang Minangkabau yang mengamalkan adat perpatih).

Di Minangkabau sistem tingkatan kedudukan wibawa adalah tergambar dalam perbilangan: "Bajanjang naik, batangga turun". Ini bermakna jika seseorang ahli jurai ingin mencapai sesuatu objektif dan ingin membawanya ke peringkat yang paling tinggi ia harus membincangkan masalah itu peringkat demi peringkat pada satu-satu masa². Pada peringkat yang paling rendah, tidak ada perbezaan^e di antara Bodi Caniago dengan Kota Piliang (iaitu laras yang diketuai oleh Datuk Ketemanggungan atau tegasnya adat Temenggung). Ini terbayang dalam perbilangan:

Patamo andiko dalam sabuah paruik,

Kaduo nan jadi pangkek janjang panghulu suku,

Ketigo nan jadi pangkek dalam sabuah nagari,

Kaampekk nan jadi pangkek janjang salareh³.

Norhalim Hj Ibrahim, 1976, Social Change and Continuity in the Matrilineal Society of Rembau, Negeri Sembilan, M.A. thesis, University of Hull, hlm. 95-96.

Rasjid Manggis, Panghoeloe M., 1971, op. cit., hlm. 117.

ibid.

Di Bodi Caniago wibawa tertinggi sampai ke tahap keempat sahaja; iaitu dikerapatan (perundingan) panghulu-panghulu andiko - ketua-ketua suku. Kesemua ketua adat di Bodi Caniago adalah duduk sama rendah, tegak sama tinggi. Untuk ini maka balai-balai di mana mereka berunding mempunyai lantai yang datar sahaja. Bangunan yang dijadikan balai itu adalah terbuka dengan dinding yang rendah, sehingga anggota dapat melihat keluar dan mereka dapat dilihat dari luar. Bagian depan balai tersebut adalah tanah lapang yang cukup luas di mana duduk rakyat, anak kemenakan, dan lain-lain pihak yang berkenaan menyaksikan perundingan tersebut. Perundingan atau kerapatan ini memakan masa yang agak lama sehingga para hadirin banyak yang membawa bekal makanan. Sewaktu kerapatan, tiap-tiap ketua adat yang bercakap dan berhujjah terlebih dahulu akan menyembah kepada hadirin¹. Dari kenyataan ini apa yang dapat disimpulkan ialah di Bodi Caniago segala perbincangan mengenai sesuatu adalah dilakukan secara terangan-terangan dan tidak oleh orang persaorangan atau oleh beberapa orang individu (ketua-ketua adat) tertentu sahaja seperti yang berlaku di Negeri Sembilan. Dan lagi, di Minangkabau tidak ada suatu jawatan ketua adat yang berkuasa untuk menjatuhkan hukuman mati ke atas rakyatnya.

Dalam sesuatu kerapatan di Bodi Caniago, kalau ada seseorang panghulu yang tidak sependapat maka rapat akan diteruskan sampai semuanya mufakat:

aanin Dt. Tan Pariaman, H.H.B., 1980, op. cit., hlm. 13-15.

Kok bulek alah dapek digolongkan,
 Kok pipih alah dapek dilayangkan.
 Bulek ^{air} ~~dia~~ dek pambulueh,
 Bulek kato dek mufakat.

Balai kerapatan ketua-ketua adat Bodi Caniago ini, yang dapat dianggap sebagai 'parlemen', dipanggil Balai Panjang dan terletak di Tabek di daerah Koto Piliang.

Dalam sistem Koto Piliang pula, peringkat kewibawaan tidak terhenti sekatat "keampak menjadi pangkek janjang selareh".sanaja. Sistem ini masih mempunyai tingkat yang lebih tinggi seperti yang termaklum dalam perbilangan;

Kalimo nan jadi pangkek urang Basa Rajo,
 iaitu;

Bandaro di Sungai Tarab,
 Tuan Kadi di Padang Cantieng,
 Mangkudum di Sumaniek,
 Taun Indomo di Suroaso.

Keanam jadi pankek janjang Rajo Buo jo Sampu Kuduih,
 Katujueh nan jadi pangkek buleknya,
 iaitu;

Daulat Yang Dipatuan di Pagarruyung¹.

¹ Sango Datoek Batoeh, 1966, Tambo Alam Minangkabau, Pertjetakan Limbago, Pajakumbuh, hlm. 171.

Dari perbilangan di atas nyatalah bahawa Koto Piliang mengakui raja sebagai lambang dan lembaga tertinggi disamping memiliki Basa Ampek Balai (Dewan Menteri) dan Rajo nan Tigo Selo, dan tidak memiliki 'parlemen' seperti di Bodi Caniago. Dari segi pelaksanaan kerapatan adat pula, Koto Piliang musyawarah untuk maupakat, dan darjat penghulu-penghulu adalah berbeda-beda, iaitu ada yang rendah dan ada yang tinggi. Selanjutnya di Koto Piliang kuasa yang tertinggi, iaitu yang menyelesaikan apabila berlaku dead lock (tidak tercapai kata mufakat) adalah terletak di tangan pucuk.

Jadi di Koto Piliang sistem tindakannya berlaku dari atas, bagi kata perbilangan: "titiek dari ateh"¹, sedang di Bodi Caniago kedudukan penghulu adalah "pucuk tagerai" iaitu tiada seorangpun diantara ketua-ketua adat yang tertinggi dari yang lain.

3.4. Keadilan

Kata keadilan dalam baris akhir perbilangan tersebut di atas tadi (Undang kepada keadilan) membawa dua maksud yang agak berbeda. Kewujudan dua maksud ini adalah sejajar dengan perkembangan sejarah Negeri Sembilan sendiri.

Pertamanya, kalaulah perbilangan ini telah ada sebelum tahun

¹ Rasjid Manggis, Panghoeloe, M. DT. Radjo, 1971, op. cit., hlm. 60.

1773 maka keadilan bermaksud membuat keputusan secara jujur dan tidak memihak ke mana-mana pihak. Untuk mencapai keputusan ini, Undang sebelum membuat keputusan mengenai sesuatu masalah pada teorinya harus mengadakan perundingan atau maufakat dengan datuk-datuk lembaga dan juga orang besar Undang. Selepas tercapai satu keputusan baharulah Undang menjatuhkan hukuman atau memberi jawapan kepada masalah yang berkenaan. Dalam memberikan keputusan ini Undang dibolehkan oleh adat untuk menggunakan budi bicaranya sendiri kerana adat menyatakan:

Sumbing boleh dititik,

Patah boleh digempal.

Selanjutnya, dalam beberapa hal iaitu hal-hal yang dikatakan

pantang Undang:

derhaka, celaka,

dahaga, dahagi,

rumbun, bakar,

tikam, bunuh;

hanya Undang sahaja yang boleh menghakinkan dan menjatuhkan hukumannya¹.

Dari kenyataan ini, sebagai mana yang dinyatakan di bahagian awal tadi (3.3.) nyatalah bahawa Undang di Negeri Sembilan diberi

¹Nordin Selat, 1976, Sistem Sosial Adat Perpatih, Percetakan Utusan Melayu, K. Lumpur, hlm. 66-67.

kuasa 'mutlak' oleh adat sendiri. Dari dua perbilangan yang terakhir di atas pula nyatalah bahawa diperingkat awal perkembangan adat di Negeri Sembilan (sebelum 1773) keadilan membawa maksud penghakiman yang 'jujur dan tidak berat sebelah' oleh Undang seseorang luak.

Makna kedua kata keadilan yang timbul selepas tahun 1773 adalah 'raja'. Menterjemahkan keadilan kepada raja mungkin telah mula dibuat oleh Parr dan Mackray¹. Kalau didasarkan kepada perbilangan:

Adapun raja itu tiada bernegeri dan tiada

mencukai kharjat, melainkan keadilan sahaja;

maka terjemahan ini adalah sesuai sekali. Dan salah satu daripada tujuan Datuk Undang-Datuk Undang menjemput Yamtuan dari Minangkabau ialah supaya raja dapat menjalankan tugas kehakiman dengan lebih objektif. Selaras dengan itu di Negeri Sembilan raja adalah tempat rayuan yang tertinggi sekali, justru itu raja tidak boleh turut campur dalam hal ehwal Luak.

Keadaan kehakiman yang wujud di Negeri Sembilan ini kalau dibandingkan dengan yang wujud di Minangkabau, terutamanya di kalangan rakyat laras Bodi Caniago adalah menarik sekali. Di Minangkabau, sebagai dinyatakan di atas tadi (3.3.) kehakiman dan

¹ Parr, dan Mackray, 1910. op. cit., Oleh sebab-sebab praktikal saya bersetuju dengan makna tersebut.

keadilan itu adalah hasil dari maufakat dimana prosesnya adalah: ketua suku tunduk kepada maufakat, sementara maufakat adalah tunduk kepada kebenaran dan kebenaran itu berdiri dengan sendirinya. Perbilangan ini juga wujud di Negeri Sembilan tetapi bercanggahan dengan beberapa perbilangan lain seperti yang dinyatakan di atas tadi. Dalam percanggahan ini selalunya perbilangan-perbilangan awal tadi mengatasi perbilangan ini.

Keadilan yang tertinggi di Eodi Caniago adalah kerapatan ketua adat di Balai Panjang di Tabek. Di sinilah semua masalah diputuskan dengan suara bulat. Tegasnya, tidak ada seorang penghulu pun yang boleh membuat keputusan berdasarkan budi bicaranya sendiri.

Di Koto Piliang, keadaan kehakiman tradisi adalah berjalan mengikut tingkat-tingkat tertentu, dan tingkat terakhir dan yang tertinggi ialah Rajo nan Tigo Selo dan yang akan memberikan atau menyampaikan keputusan terakhir adalah Raja Alam, Yang Dipatuan iaitu salah seorang daripada Raja nan Tigo Selo¹. Jadi disini, adalah dalam tangan Raja Alam. Namun jarang sekali proses keadilan ini sampai ketahap tersebut kerana selalunya apabila musyawarah ketua suku tidak dapat mencari kata maufakat, ianya diserahkan kepada pucuk, iaitu ketua nagari yang mungkin selaras

¹ Tingkatan keadilan di Koto Piliang ialah: kerapatan adat (ketua-ketua suku) tidak dapat memberi keputusan, dibawa kepada pucuk (nagari - rapat senagari), dari rapat senagari diserahkan kepada rapat selaras (kumpulan nagari-nagari), kemudian ke luak, seterusnya ke Basa Ampek Balai dan akhir sekali Rajo nan Tigo Selo.

dengan kedudukan Undang di Negeri Sembilan. Seringkali pucuk dapat memberikan keadilan atau penghakiman kepada masalah tersebut kerana kedudukannya adalah 'biang nan manabuek, gantieng nan mamutuih' (menembus yang hampir tembus dan memutus yang hampir putus). Jadi di Koto Piliang, pada kerapatan adatnya pucuk bulek iaitu penghulu yang tertinggi dapat mengambil keputusan 'mungkin' berdasarkan budi bicaranya sendiri.

Satu lagi yang harus ditarik perhatian ini ialah di Minangkabau, baik laras Bodi Caniago mahupun di Koto Piliang, luak tidak mempunyai pemerintah mutlak seperti institusi Undang di Negeri Sembilan. Seorang penghulu di Minangkabau bukannya seorang ketua wilayah¹.

Dari huraian di atas nyatalah bahawa keadilan mempunyai konsep yang berbeda diantara adat Negeri Sembilan dengan Bodi Caniago tetapi selari dengan keadaan di Koto Piliang. Dalam maksud keadilan yang pertama, walaupun Undang harus merujuk kepada maufakat adat lembaga tetapi pada akhirnya, Undang atas budi bicaranya menjalankan hukuman sendiri. Sedangkan makna kedua di mana keadilan bermakna raja, keadilan raja hanya dipohonkan kalah Undang tidak dapat memberi keputusan yang muktamat. Dan ini adalah sesuatu yang jarang sekali berlaku. Makna kedua ini ada persamaan

¹ Ketua wilayah hanya diwujudkan selepas Belanda mengenalkan institusi panghulu kapalo (dalam zaman moden dipanggil wali nagari); satu lagi institusi yang diwujudkan oleh Belanda ialah Tuanku Lareh yang kemudiannya kedudukan ini menjadi demang (pegawai daerah). Namun, kedua-dua institusi ini adalah terkeluar dari sistem sosial tradisi Minangkabau.

dengan kedudukan Raja Alam di Minangkabau tetapi Raja Alam memberi keputusan hanya selepas membincangkan masalah tersebut dengan Raja Adat dan Raja Ibadat; dua corak kepimpinan yang tidak wujud di Negeri Sembilan. Dan sebagai juga di Negeri Sembilan keadilan diperingkat ini jarang sekali dipraktikkan kerana masalah telah diselesaikan di peringkat pucuk.

4. Yang Dipertuan Besar.

Institusi ini, sebagaimana yang dilihat dalam perbincangan di atas tadi wujud di Negeri Sembilan dan juga di Minangkabau. Di Negeri Sembilan ia wujud sejak tahun 1773 sedangkan di Minangkabau telah bermula disekitar tahun 1347.

4.1. Di Negeri Sembilan

Negeri Sembilan adalah sebuah rantau Minangkabau. Selaras dengan kehendak perbilangan yang berbunyi:

Luak bapanghulu,

Rantau baradjo,

Kampung batuo,

Rumah nan batunggani,¹

maka Negeri Sembilan terpaksa mempunyai seorang raja. Tetapi tarikh mewujudkan instutsi ini (1773) agak lewat; iaitu telah lebih dari dua abad Negeri Sembilan dibuka oleh penghijran Minangkabau barulah institusi ini diadakan. Sebenarnya, Negeri

¹ Nasroen, M., 1957, op. cit., hlm. 138. Penekanan adalah oleh penulis sendiri.

Sembilan sebelum tahun 1773 tela¹ pun menunaikan kehendak perbilangan ini kerana pada tahun-tahun sebelum itu Negeri Sembilan beraja ke Johor, seperti kata perbilangan:

Beraja ke Johor,¹

Bertali ke Siak,

Bertuan ke Minangkabau.

Tetapi kemerosotan kuasa empayar Melayu Johor dipertengahan abad ke 18, disamping bertambahnya penumpuan kuasa dalam tangan ketua-ketua luak serta wujudnya ancaman luar telah mewujudkan keinginan di kalangan ketua-ketua luak untuk mendapatkan seorang Yang Dipertuan (yang juga disebut Yamtuan),

Peristiwa menjemput seorang anak raja dari Pagarruyung ini mungkin suatu percubaan untuk mewujudkan kesatuan di bawah satu 'kuasa', dan satu identiti sebagai sebuah negeri merdeka di Semenanjung Tanah Melayu. Hasilnya, mengikut tradisi lain-lain rantau Minangkabau, salah seorang daripada anak Yang Dipertuan Rajo Alam Muningayah Minangkabau² telah, atas permintaan penghulu-penghulu luak di Negeri Sembilan, dilantik oleh ayahnya menjadi pemerintah pertama (1773-1795) di Negeri Sembilan.

Apa yang menarik dalam pengwujudan institusi ini ialah, berlawanan dengan tujuan-tujuan asalnya, perlantikan Yamtuan ini

¹ Penekanan adalah oleh penulis sendiri.

² Rasjid Manggis, 1971, op. cit., hlm. 48.

telah memecahbelah dan menjadikan luak-luak di Negeri Sembilan kacir kacir dan kancan peperangan. Kalau dahulu berlaku percubaan merebut kuasa hanya dalam luak sahaja tetapi dengan adanya elemen Yamtuan perebutan kuasa telah melimpah keluar sempadan daerah. Apa yang jelas ialah Yamtuan tidak berpuas hati dengan hanya menjadi lambang sebagaimana yang dikehendaki oleh adat. Yamtuan, dari masa ke masa ingin mendapatkan kuasa politik yang lebih konkrit. Oleh yang demikian persaingan yang kebanyakannya merupakan peperangan telah berlaku.

Satu daripada hasil peperangan dan perebutan kuasa ini ialah wujudnya institusi Yang Dipertuan (Yamtuan) Muda di Luak Rembau dan Jelevu.² Untuk beberapa tahun² Yamtuan Besar sebagai lambang 'keadilan' telah tercipta di kedua-dua luak tersebut. Kedudukan Yamtuan Muda semasa wujudnya agak kuat juga kerana di Rembau misalnya telah ada perbilangan mengenainya yang berbunyi:

Sultan Besar di Sri Menanti,

Pertuan Muda di Rembau.

¹Sebab wujudnya institusi Yamtuan Muda ini berbeza dari Luak Rembau dengan Luak Jelevu. Di Rembau ianya hasil dari perebutan untuk menjadi Yamtuan Besar diantara Raja Adil dan Raja Hitam yang di jemput dari Minangkabau serta campurtangan Bugis; sedangkan di Jelevu institusi ini wujud atas permintaan rakyat Jelevu sendiri. Lantaran itu Yamtuan Muda Jelevu mempunyai wilayah iaitu antara Bandar Berangan hingga Batu Comintang - linat Norhalim Hj Ibrahim, 1978, op. cit, hlm. 23-25 dan juga notakahi 55 hlm. 24; lihat juga Caldecott, A., 1912, 'Jelevu, Its History and Constitution', PMS, 2nd. Series, hlm. 20 dan O'Brian, H.A., 1864, 'Jelevu', JSEBRAS, 14, hlm. 338-9; sedangkan Yamtuan Muda Rembau tidak berwilayah hanya lambang sahaja dan kedudukan yang ini pun masih dapat dipersoalkan.

²Di Rembau lebih kurang 36 tahun (1800-1836) dan di Jelevu lebih kurang 20 tahun (1820-1840).

Jadi, kewujudan dua institusi yang mempunyai kedudukan dan fungsi yang seakan-akan sama ini telah memburukkan lagi keadaan yang sedia ada dalam keadaan kucar kacir. Dari masa ke masa keadaan anarki di Negeri Sembilan ini semakin bertambah hebat dan akhirnya ialah telah menjadi salah satu dari sebab-sebab utama kemasukan Inggeris ke dalam pentadbiran Negeri Sembilan pada tahun 1874.

Negeri Sembilan, sebagaimana juga kes-kes rantau yang lain, melalui masa telah memutuskan ikatannya dari Minangkabau. Pergerakan Paderi yang bermula pada tahun 1803 dan berlanjutan dengan suatu peperangan melawan Belanda yang berakhir pada tahun 1838¹ adalah salah satu dari faktor-faktor penting yang membawa kepada perkembangan ini.

Kedudukan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan terpaksa mengikut kedudukan Raja Alam di Minangkabau. Beliau bukannya seorang raja yang berkuasa mutlak tetapi memerintah dengan semangat dan aturan-aturan Tuah Disakato² sebagaimana yang disarankan oleh Parapatieh nan Sebatang dan diterima oleh kedua-dua laras - Bodi Caniago dan Kota Piliang, lebih dari empat kurun yang lalu.

Institusi Yang Dipertuan Besar ini masih wujud lagi sehingga ke hari ini. Yang Dipertuan Besar bersemayam di Sri Menanti dan

¹ Muhamad Radjab, 1964, Perang Paderi, P.N. Balai Pustaka, Jakarta.

² Aturan bagi menyelesaikan masalah dengan aman, damai dan mendapat keputusan yang dipersetujui oleh semua orang dari kedua-dua laras tersebut, lihat juga Pahar Et. Nagari Pasa, 1966, Tambo dan Salsilah Adat Alam Minangkabau, Penerbit C.V. Eleonara, Rajakumbun, hlm. 74-75.

kuasanya juga terhad kepada kawasan tersebut dengan mempunyai beberapa keistimewaan dari Luak Tanah Mengandung¹. Faktor yang penting mengenai kedudukan raja yang telah diwarisi melalui adat dari sejak zaman dahulu sehingga ke hari ini ialah raja tidak berkuasa untuk campur tangan dalam hal ehwal luak yang lain dan juga tidak berkuasa untuk menyekat kuasa ketua-ketua suku dan luak di luar sempadan wilayahnya².

Jawatan Yang Dipertuan Besar ini, semenjak diwujudkan pada tahun 1773 sehingga ke hari ni bukanlah jawatan yang turun temurun dari ayah ke anak lelaki yang tertua. Sehingga tahun 1824, tiap-tiap Yang Dipertuan Besar yang baru adalah didatangkan dari Minangkabau, tetapi selepas tarikh itu, pemegang jawatan ini adalah ditentukan berdasarkan pemilihan Undang-Undang yang Empat³ ke atas salah seorang dari keturunan Raja Radin, iaitu putera raja yang akhir sekali dijemput dari Minangkabau.

4.1.1. Tengku Besar Tampin

Di samping Sri Menanti terdapat sebuah lagi luak yang di perintah oleh keturunan raja. Luak yang dimaksudkan di sini ialah Luak Tampin.

Tampin, sebelum tahun 1836 adalah sebahagian dari Luak Rembau.

¹ Luak-Luak yang mengelilingi Sri Menanti yang terdiri dari Luak-Luak Ulu Muar, Jempul, Terachi dan Gunung Pasir.

² Hooker, M.E., 1971, 'The Early Adat Constitution of Negeri Sembilan (1773-1824)', JMBRAS, 44 (1).

pada tahun 1833 satu peperangan saudara telah meletus di Rembau diantara Yamtuan Muda Syed Syaaban dengan Datuk Lela Manaraja Ngamit, Undang Rembau. Peperangan ini berakhir pada tahun 1836 dengan kekalahan dipihak Syed Syaaban yang telah berundur ke Tampin. Mulai dari sekitar tarikh tersebut Syed Syaaban dan keturunannya telah digelar Tengku Besar Tampin. Kuasanya adalah melingkungi kawasan-kawasan Tampin Tengah, Kru, Repan dan Tebong. Tiap-tiap satu kawasan ini diketuai oleh Penghulu yang hanya bergelar Penghulu Pesaka. Dahulu penghulu-penghulu ini adalah dilantik oleh Tengku Besar sendiri tetapi sekarang, dipilih oleh tiga penghulu yang lain dengan ahli suku waris¹.

Dalam pentadbiran adat Tengku Besar tidak berkuasa. Beliau tidak terlibat dalam proses melantik Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan dan tidak disenaraikan dalam senarai aturcara pangkat adat. Tegasnya, Tengku Besar Tampin, malahan Luak Tampin sendiri adat suatu buatan baru.

4.2. Di Minangkabau

'Kekuasaan' Yang Dipatuan Minangkabau bermula pada tahun 1347 iaitu apabila Adityawarman, seorang raja Melayu (Jambi) menduduki singgasana kerajaan Minangkabau. Kepada orang-orang

¹ Di tiap-tiap kawasan ada suku waris yang berhak mencalonkan Penghulu. Suku waris bagi Tampin Tengah dan Tebong ialah suku Biduanda, Suku waris bagi Repan dan Keru ialah suku Tiga Batu. Di kawasan Keru suku warisnya ada dua pecahan iaitu Tiga Batu Nisan Tinggi dan Tiga Batu Peliang. Di antara keduanya ini hanya suku Tiga Batu Nisan Tinggi sahaja yang boleh mencalonkan Penghulu.

Minangkabau raja-raja itu adalah orang asing dan biasanya disebut orang Hindu¹.

Kedatangan Adityawarman, secara am tidak membawa alam Minangkabau ke suatu keadaan yang kecar kacir seperti yang berlaku di Negeri Sembilan. Ini mungkin kerana ketua-ketua Minangkabau pada masa itu (Datuk Perpatih nan Sebatang dan Datuk Temenggung) memahami kekuatan tentera Minangkabau untuk menentang Adityawarman, walaupun terombo Minangkabau mengatakan:

Datanglah anggang dari laut,
Ditembak Datuek nan Baduo,
Bedil sadatus dua dantamnya.²

Sebaliknya, Adityawarman telah menerima status raja Minangkabau sebelumnya yang berdasarkan kepada perbilangan:

Kaateh nan tak bapucuek,
Kabawah nan tak baurat,
Di tengah dilarek kumbang.³

Dengan ini bermakna, di Alam Minangkabau raja tetap mempunyai kuasa yang tertinggi tetapi beliau haruslah pula tidak menyusahkan rakyat. Kalau beliau berbuat demikian juga maka beliau terpaksa menerima akibatnya iaitu seperti pokok yang dilarek dibahagian tengahnya; dan ini sesuai dengan perbilangan yang berbunyi:

¹ Josselin de Jong, 1951, op. cit., hlm. 95.

² Darwis Thaib Dt. Cidi Bandaro, 1965, Seluk Beluk Adat Alam Minangkabau, Tjupak Usali, N.V. Nusantara, Djakarta, hlm. 81.

³ Bahar Dt. Nagari Basa, 1966, op. cit., hlm. 69.

Rajo bana disambah,

Rajo nana disanggah.¹

Walaupun demikian keadaannya, untuk mengekalkan lagi keharmonian Alam Minangkabau, sebagai yang dinyatakan di banagian awal tadi, Datuk Parapatieh telah memecahkan kuasa Yang Dipetuan dengan mewujudkan dua lagi jawatan pembantu iaitu Raja Adat dan Raja Istiadat.

Keadaan di Minangkabau tidaklah sentiasa tenang dengan kedatangan 'orang luar' ini. Pada satu ketika, Datuk Perpaten dan 13 orang ketua adat yang lain² telah dituduh berkemplot untuk memberontak. Akibatnya mereka telah dibuang negeri. Mereka telah berhijrah ke selatan dan meneroka di kawasan Solok sekarang. Di Solok mereka telah membuat 13 buah nagari dan membentuk satu persekutuan yang dikenal sebagai Kubueng XIII³.

Disamping peristiwa ini terdapat satu lagi kejadian, pada tahun 1780 yang akan penting dalam perkembangan sejarah Yang Dipertuan Minangkabau. Pada tahun tersebut raja Islam Minangkabau yang pertama, Maharajo Alif telah meninggal dunia dengan meninggalkan pengganti yang masih belum cukup umur. Akibatnya satu persengketaan

¹ Rasjid Manggis, 1971, op. cit., hlm. 112.

² Mereka adalah terdiri dari ketua-ketua adat dari Laras bodi Caniago, Koto Piliang dan juga Melayu serta Pandahiling.

³ Untuk keterangan lanjut mengenai peristiwa ini lihat Sjafiroeddin, D.S., 1975, 'Kubueng Tigo Salen Lubuek nan Tigo', Sumatra Research Bulletin, IV(2), hlm. 51-66. Istilah Kubueng XIII ini diagakkan berasal dari kalimat: "Aku buang 13 /orang ketua/". Kata-kata ini telah dilafazkan oleh Adityawarman semasa membuang negeri Datuk Perpaten dan pengikut-pengikutnya.

antara Raja Adat dan Raja Ibadat telah berlaku dengan tujuan untuk menduduki singgasana Minangkabau yang kosong. Namun, sebelum meletus pergaduhan satu penyelesaian telah dicapai, di mana tidak seorang pun diantara kedua-kedua raja itu ditabalkan, tetapi Alam Minangkabau dibagi tiga dengan tiap-tiap satu diwakil perintah oleh Datuk Bandaro Putih di Sungai Tarab, Datuk Indomo di Saruso dan Tuan Kadi di Padang Cantieng. Ini meninggalkan Tuan Mangkudum di Sumaniek untuk mengelolakan perhubungan antara Minangkabau dengan rantaunya. Apabila anak Maharajo Alif cukup umur beliau telah ditabalkan menjadi Yang Dipatuan Sultan Muning Syah I dengan Yang Dipatuan Sultan Sembahyang I menjadi Raja Ibadat dan Yang Dipatuan Basusu Tungga menjadi Raja Adat¹.

Peristiwa ini dan juga kejadian yang dinyatakan sebelumnya dengan secara tidak langsung menunjukkan bahawa di Minangkabau juga tidak sunyi dari berlakunya pergelutan antara pembesar-pembesarnya. Apa yang penting disini ialah cara penyelesaiannya. Di Negeri Sembilan, sejarah memberitahu bahawa segala perbalahan ditamatkan di medan perang tetapi di Minangkabau, persengketaan diselesaikan secara berunding iaitu berdasarkan semangat Tuan Disakato.

Dinasti raja di Minangkabau ini telah hapus dalam satu

¹ Rasjid Manggis, 1971, op. cit., hlm. 37-38.

pembunuhan beramai dimasa Pergerakan Paderi¹ yang berlaku antara tahun 1803-1838.

Kedudukan Yang Dipatuan Minangkabau adalah seakan-akan sama dengan kedudukan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan. Yang Dipatuan Minangkabau hanya dilihat sebagai seorang yang bersifat sakti dan suci. Dia merupakan lambang kesatuan Alam Minangkabau dan berfungsi mempersatukan. Untuk tujuan mempersatukan ini dia, pada masa-masa tertentu mengadakan lawatan ke seluruh Minangkabau mengikut jalan-jalan tertentu dan tidak boleh menyimpang mengikut jalan lain. Semasa dalam perjalanan ini beliau harus tinggal pula di beberapa tempat seperti mana yang telah ditetapkan. Tegasnya di Minangkabau rakyat tidak perlu datang kepada raja, tetapi raja yang harus berkunjung kepada rakyat; iaitu satu aktiviti yang tidak pernah diamalkan di Negeri Sembilan.

Jadi secara tidak langsung, raja Minangkabau selalu dipisahkan dari hidup dan kehidupan orang Minangkabau. Mereka tidak berkuasa dan tidak pula menimbulkan kegoncangan ketika mereka disingkirkan pada permulaan abad ke 19. Raja hanya berkuasa di Pagarruyung dan di rantau dan tidak di Luhak yang Tiga (Agam, Limo Puloh koto dan

¹ Pergerakan atau Perang Paderi adalah percubaan Pergerakan Wahabbi yang diketuai oleh Haji Miskin dari Pantai Sikek (Agam), Haji Abd. Rahman dari Piobang (50 Koto) dan Haji Muhammad Arif dari Sumaniek (Tanah Datar) untuk menghapuskan adat dan menggantikannya dengan Syarak. Dalam masa kacau bilau perang saudara inilah Belanda mula masuk campur dalam hal ehwal Minangkabau. Untuk keterangan lanjut lihat: Hamka, 1967, Ayahku, Riwayat Hidup Dr. Hj Abd. Karim Amrullah dan Perjuangan Kaum Ulama di Sumatera, Penerbit Djajamurni, Jakarta, dan juga Muhammad Radjab, 1964, Perang Paderi, P.N. Balai Pustaka, Jakarta.

Tanah Datar), yang adalah dibawah kekuasaan penghulu.

Satu lagi persamaan diantara kedua-dua institusi inilah seperti kata perbilangan Negeri Sembilan:

Adapun raja itu¹
 tiada mempunyai negeri, dan
 tiada mencukai kharajat,
 melainkan keadilan sahaja,
 serta memakan:
 duit sesuku,
 beras segantang,
 nyior setali.

Adat Minangkabau melanjtkan keadaan ini lagi iaitu raja tidak dibolehkan mencukai di mana-mana wilayah asal Minangkabau. Beliau dibolehkan menerima upeti dari rantau, termasuk Negeri Sembilan. Tetapi untuk mendapatkan upeti itu raja sendiri ataupun wakilnya (di sini bermaksud Tuan Mangkudum di Sumanik) terpaksa datang sendiri memungutnya dalam tempuh masa tiga tahun sekali. Tidak ada agensi kerajaan yang boleh mewakilinya mengitup upeti dan rakyat di rantau pula berhak tidak membayar upeteri tersebut jika tidak ada orang yang datang memungutnya. Aturan ini diikuti kerana rantau tidak ditubuhkan atag perintah raja tetapi terbentuk di atas iniatif rakyat sendiri dan kesetiaan mereka terhadap raja di Pagarryung adatak dasar sukarela.

5.0. Tanah.

Ekonomi masyarakat Melayu yang mengamalkan sisten Adat di Negeri Sembilan dan juga di sebahagian Negeri Melaka adalah berdasarkan sistem pertanian peasant. Dalam sistem corak ini, tanah adalah komoditi yang paling penting, dan kepada masyarakat Adat ini, tanah adalah menjadi salah satu faktor pengekaln pengwujudan sistem itu sendiri. Ini memang diakui oleh sarjana-sarjana yang telah mengkaji sistem tersebut. Hamka pernah berkata, "seandainya tanah pusaka diturunkan tarafnya, maka 'adat tidak terdiri /lagi/ pada suku yang menguasainya"¹.

5.1. Konsep Pusaka.

Pusaka bolehlah ditakrifkan sebagai harta yang ditinggalkan, diwariskan atau diturunkan oleh ibubapa, nenek moyang ataupun generasi yang terdahulu dari itu. Antara lain yang termasuk dalam konsep ini adalah rumah, tanah, barang-barang perhiasan (emas dan perak), senjata (keris, tombak dan lain-lain), pakaian dan barang-barang lama, dan lain-lain lagi. Dalam konsep tanah termasuklah tanah tapak rumah, tanah sawah, tanah kebun dan tanah dusun.

5.2. Harta . Tanah.

Di Negeri Sembilan. khususnya di Rembau, secara umum tanah dapat dibagikan kepada dua jenis utama iaitu: tanah waris dan tanah

¹ Hamka, 1968, 'Adat Minangkabau dan harta pusaknya', dlm; Mochtar Naim, (ed.) 1968, Menggali Hukum Tanah dan Hukum Waris, Center for Minangkabau Studies Press, Padang, hlm. 29.

tebus atau tanah suku. Kedua-dua jenis tanah ini mempunyai konsep yang tersendiri.

5.2.1. Tanah Waris.

Sebelum kedatangan orang-orang Minangkabau ke Rembau, tanah dan apa yang ada didalamnya adalah kepunya^{an} orang asli atau waris (istilah yang digunakan oleh orang-orang pendatang bagi orang asli) yang diketuai oleh seorang yang bergelar Batin. Hak orang asli ke atas tanah ini jelas terbayang dalam perbilangan:

Air megantang selubuk,

Sadangkang yang berbunyi,

Siamang yang berjawat-jawat

Tempat ungka yang berdayu-dayu

Batin yang empunya¹.

Perbilangan ini membawa dua maksud. Pertama ia menyatakan bahawa semua tanah, hutan rimba, paya dan lurah adalah kepunyaan orang asli yang diwakili oleh ketua mereka - batin. Maksudnya yang kedua: perbilangan ini juga, khususnya dalam zaman selepas kedatangan orang-orang Minangkabau, menggambarkan pembahagian wilayah antara peneroka/penghijrah dengan orang asli. Orang asli di Rembau, setelah kedatangan orang Minangkabau telah 'tertolak' ke rimba sedangkan tanah-tanah yang telah diteroka atau kawasan-kawasan lembah adalah diduduki oleh orang-

¹Lister, M., 1887, 'The Negri Sembilan their origin and constitution', JSBRAS, 19, halm. 39.

orang mendatang, yang diketuai oleh Tok Lela Balang dan Tok Laut Dalam.

Apabila berlaku perkahwinan antara Tok Lela Balang dengan puteri Batin Sekudai, dan wujud suku biduanda, hak milik orang asli ke atas tanah di Rembau telah diserahkan kepada suku biduanda. Tegasnya, dengan wujudnya suku pemerintah (suku biduanda) segala hak milik orang asli ke atas tanah telah hilang; sebagai dibilangan:

Dari hulu air menyensing,
ke hilir ombak memecah,
waris yang punya.¹

Perbilangan di atas jelas menyatakan bahawa wilayah dari kawasan pergunungan, tempat terbitnya mata air sehinggalah ke pantai adalah hak milik waris. Waris di sini dimaksudkan suku pemerintah - suku biduanda dan bukan lagi orang asli.

5.2.2. Tanah Tebus atau Tanah Suku.

Tanah yang telah dibeli atau ditebus oleh peneroka asal (orang-orang Minangkabau selain dari Tok Lela Balang dan Tok Laut Dalam) dari orang-orang asli dengan bayaran yang berupa kain, pisau atau senjata dan periok masak² untuk dijadikan

¹Parr dan Mackray, 1910, op. cit., hlm. 104.

²Lister, 1887, op. cit., hlm. 39.

kawasan perubahan dan pertanian adalah dikenali sebagai tanah tebus. Setelah berlakunya perkahwinan antara Tok Lela Balang dengan puteri Batin Sekudai tanah tebus ini adalah dibeli dari suku biduanda. Ini ada diterangkan oleh perbilangan:

Takek kayu Batin Jenang,
 Putus tebus kepada Undang.
 Jika berelok,
 lantak bertunggal,
 emas bertahil¹.

Tanah-tanah ini kemudian kekal menjadi hak waris atau keturunan suku ketua penghijrah tadi turun temurun. Dengan lain perkataan, ia menjadi tanah suku seperti kata perbilangan:

sawah yang berjenjang,
 pinang yang berjijir,
 nyior yang saka,
 Lembaga yang punya².

Berdasarkan perbilangan terakhir ini jelaslah bahawa segala anah yang telah diusahakan, samada untuk bersawah padi atau untuk berkampung halaman (yang dilambangkan dengan kata-kata 'pinang' dan 'nyior') adalah kepunyaan pendatang yang berkelompok mengikut suku. Istilah lembaga dalam baris terakhir perbilangan

¹ Abas Hj Ali, 1953, op. cit., hlm. 34-35.

² Parr dan Mackray, 1910. op. cit., hlm. 104.

ini adalah lambang kepada 'suku' kerana lembaga adalah ketua atau 'wakil' kepada anggota sesuatu suku.

Rakyat biasa pada hakikatnya boleh meneroka dan mengerjakan tanah waris tetapi mereka terpaksa membayar cukai, bukan kepada lembaga tetapi kepada Undang dan waris sebagai keseluruhan. Penerokaan tanah waris ini berlaku apabila tanah tebus sesuatu suku itu telah habis dikerjakan atau diteroka. Namun hari ini soal tanah waris atau tanah tidak bertebus tidak wujud lagi. Semua tanah di Negeri Sembilan adalah milik kerajaan.

Tanah tebus ini apabila diwariskan dari satu generasi ke satu generasi melalui ahli perempuan di dalam sesuatu suku ia menjadi tanah pusaka suku atau disebut juga tanah pusaka adat. Pada hari ini penebusan tanah seperti yang berlaku dizaman tradisi tidak berlaku lagi. Namun ia boleh berlaku (pada teori nya) iaitu apabila sesuatu suku atau perut memberi tanah pusaka dari suku atau perut yang lain. Kes-kes seperti ini jarang berlaku. Jika ia berlakupun, jumlah tanah pusaka di Negeri Sembilan pada keseluruhannya tidak bertambah. Yang bertambah ialah jumlah tanah pusaka suku pembeli dan sebaliknya tanah pusaka suku penjual akan berkurangan.

5.2.3. Tanah Pusaka

Disamping tanah waris dan tanah tebus seperti yang dihurai-kan di atas di Negeri Sembilan terdapat juga tanah pusaka. Tanah pusaka ini dapat dipecahkan kepada tiga jenis, iaitu:

- i. Tanah pusaka suku atau adat,
- ii. Tanah pusaka waris,
- iii. Tanah pusaka kecil.

Tanah pusaka suku, disamping berasal dari tanah nenek moyang, ia juga boleh wujud melalui tanah pusaka waris dan tanah pusaka kecil. Kedua jenis tanah terakhir ini hanya mendapat status pusaka suku setelah ia diturunkan melalui beberapa keturunan; sekurang-kurangnya tiga keturunan, berdasarkan prinsip keturunan sistem adat.

Tanah pusaka waris pula adalah terdiri dari tanah tebus, tetapi penebusannya adalah baru lagi iaitu ditebus oleh generasi yang kebelakang dari nenek moyang atau peneroka asal. Tanah jenis ini boleh menjadi tanah pusaka suku sekiranya pemilik ingin berbuat demikian. Penukaran taraf pusaka ini mestilah dilakukan dengan maufakat ahli keluarga dan penyesuaian serta pengesahan datok lembaga suku yang berkenaan.

Kewujudan tanah pusaka kecil adalah melibatkan proses perkahwinan atau persemendaan. Tanah pusaka jenis ini adalah terdiri dari tanah pembawaan, tanah dapatan dan tanah carian. Ketiga-tiga jenis tanah ini boleh menjadi tanah pusaka adat jika ia diturunkan kepada anak perempuan dan kemudian diproses seperti penukaran taraf pusaka waris ke status pusaka adat.

5.3. Harta Tanah di Minangkabau

Seperti juga di Negeri Sembilan, harta tanah di Minangkabau dapat dibagikan kepada beberapa jenis, dan tiap-tiap jenis itu mempunyai konsep yang tersendiri.

5.2.1. Tanah Ulayat.

Di Minangkabau terdapat perbilangan yang berbunyi:

Sekalian nego utan tanah
 baikpun djirek nan sebatang,
 baikpun rumput nan sekaki,
 baiknyo batu nan saintjek,
 kebawahnyo sampai takasiek bulan,
 keatehnyo sampai taramban jati,
 pangkat penghulu punyo ulayat¹.

Berdasarkan perbilangan ini tanah dan segala yang tumbuh di atasnya dan yang berada di dalamnya adalah diistilahkan sebagai ulayat atau hutan tinggi ataupun tanah radjo. Untuk kesenangan pentadbiran dan pengurusan, tanah-tanah tersebut adalah 'diakukkan' kepada atau dipegang oleh para penghulu bersama-sama dalam nagari atau oleh penghulu dalam suku². Keadaan ini banyak terdapat di dalam perbilangan Minangkabau, antara lain:

Mengisi adek,
 menuangi limbago,
 kepada penghulu nan punyo ulayat³.

¹Nasroen, 1957, op. cit., hlm. 197-8.

²Herman Sihombing S.H., 1968, 'Pembinaan hukum waris dan hukum tanah di Minangkabau', dlm Mochtar Naim (ed.), 1968, op. cit., hlm. 79.

³Sango, Datok Batuah, 1966, op. cit., hlm. 138.

Jadi penggunaan istilah ulayat penghulu bukanlah bermaksud yang tanah itu kepunyaan penghulu. Adanya pernyataan atau/dan perlambangan yang seperti itu adalah kerana penghulu itu urang nan digadangkan oleh masyarakat atau kmuniti. Mengenai hak ulayat tersebut adat memfatwakan bahawa:

Karimbo babungo kayu,
kalurah babungo ampieng;
kabukik babungo pisang,
kalurah babungo aie¹.

Sebagai dinyatakan di atas tadi, tanah ulayat ini dikenali juga sebagai tanah rajo. Penggunaan perkataan rajo dalam panggilan itu tidak merujuk kepada pemerintah di Pagaruyung, tetapi bermaksud penghulu suku kerana dalam perbilangan mamak barajo ke pangulu dapat disimpulkan bahawa penghulu itu adalah raja dalam sukunya walaupun seorang raja yang tidak mempunyai kuasa mutlak.

Tanah dara dan tanah yang tidak diteroka yang diletakkan di bawah kawalan ketua suku adalah tanah yang dikosongkan untuk kegunaan kemuniti bila diperlukan nanti². Tanah ini akan diberikan kepada sesuatu kelompok jurai yang memerlukannya. Dizaman awal, sehingga terbukti yang tanah itu telah menjadi penempatan disamping adanya kegiatan pertanian kekal, beliau berhak mengutip cukai dari peneroka baru itu; tetapi hanya dalam jangka masa yang singkat itu sahaja.

¹Herman Sihobing, 1968, op. cit., hlm. 79.

²Batuah, A.M. Datuk Maruhun dan Tanameh, D.H. Begindo (t.t.), Hukum Adat dan Adat Minangkabau, Djakarta: Poesaka Aseli, hlm. 30.

Berkaitan dengan pengutipan cukai oleh penghulu dan juga oleh Yamtuan Pagaruyueng, perbilangan berkata :

Cukai rajo ke rantau,
abuan pengulu bungo¹.

Cukai di sini bermaksud suatu peratusan yang kecil (dari 2½% - 10%) daripada hasil-hasil yang didapati dari hutan, huma, bukit, gunung, paya, lembah, lereng, sungai, tasek dan jalan raja².

Jika kita mencari persamaan konsep antaran tanah di Rembau (mungkin juga Negeri Sembilan) dan Minangkabau maka tanah ulayat atau hutan tinggi ini mungkin seakan dengan tanah waris. Ini adalah kerana di Negeri Sembilan, khususnya di Rembau, tanah dara dan yang tidak diteroka terletak dibawah jagaan ketua komuniti (Undang) sebagai tanah simpanan komuniti. Tanah ini akan dibuka apabila ada kelompok (suku) yang ingin mengusahakannya.

Walaupun terdapat persamaan konsep secara umum namun, jika kita kaji secara lebih mendalam, dan jika kita bersetuju dengan pendapat Datuk Maruhun Batuah dan Bagindo Tanameh, di Minangkabau ada sedikit perbezaan antara ulayat laras Koto Piliang dan laras Bodi Caniago. Menurut mereka "...di negeri-negeri dalam kelarasan Koto Piliang pucuklah yang menguasai ulayat dan ... tidak terbagi kepada suku"³.

¹Sango, Dayoek Batoe, 1966, op. cit., hlm. 138.

²Batuah, Ahmad Dt., dan Madjoindo, A. Dt., 1956, Tambo Alam Minangkabau, Djakarta, Balai Pustaka, hlm. 83.

³Datuk Maruhun Batuah, A.M. dan Bagindo Tanameh, D.H. (t.t.), op. cit., hlm. 41.

Sedangkan di Bodi Caniago pula "ulayat itu dibagi menurut suku ... dan diterangkan sekali batas-batasnya"¹ serta diuruskan oleh tua ulayat... Sebaliknya di Negeri Sembilan, tanah waris itu hanya sejenis sahaja, iaitu yang dipunyai oleh waris, dan dalam kes di Rembau, oleh suku biduanda.

Dari kenyataan di atas nyatalah bahawa di Minangkabau, dikalangan masyarakat Koto Piliang, tanah ulayat adalah di bawah jagaan ketua atau penghulu. Beliaulah yang berkuasa ke atas tanah dara di sana. Tanah ulayat di laras Bodi Caniago pula adalah kepunyaan bersama sesuatu suku; dengan penghulu suku menjadi pentadbir dan pengurus.

5.3.2. Hutan Rendah.

Selain dari hutan tinggi atau tanah ulayat, di Minangkabau wujud satu lagi jenis tanah yang dikenali sebagai hutan rendah. Apa yang terjumlah kedalam tanah jenis ini adalah sawah dan ladang serta kebun-kebun yang dipusakai turun temurun dari nenek ke mamak dan seterusnya ke kemanakan. Antara cara untuk mendapatkan tanah pusaka ini adalah melalui tembilang emas iaitu mendapatkannya dengan wang, khususnya melalui pagang gadai atau sando agung²; melalui tembilang basi iaitu didapati dengan usaha badan datuk nenek sendiri

¹ Datuk Maruhun Batuah, A.M. dan Bagindo Tanameh, D.H. (t.t.), op. cit., hlm. 42.

² Sando agung bererti gadai besar; apa yang difahami di sini ialah harta pusaka yang tidak boleh dijual beli. Akhir-akhir ini berlaku juga proses jualbeli ini atas sebab-sebab tertentu dan salah satu daripadanya ialah pupus keturunan.

seperti diteroka atau kerana hibah (pemberian)¹ dan telah diwariskan turun temurun dari mamak kepada kemenakan dan melalui tambilang perak, iaitu didapati dari hasil harta tua².

Berdasarkan cara-cara terdapatnya hutan rendah ini ia dapat dibagikan kepada dua jenis pusaka iaitu pusaka tinggi dan pusaka rendah.

Dalam pusaka tinggi ini termasuklah "segala harta pusaka yang berupa hutan, tanah, sawah ladang, rumah gadang, pandan perkuburan dan lain-lain; seperti yang dibilangan:

rumah gadang lumbung baperang,
sawah badjandjang,
banda buatan;

dan disebut juga:

nan basasok badjarami,
nan bapandam pakuburan;

dan:

dek nan bulieh dikakok,
djaueh nan bulieh ditundjudjueh"³.

Harta ini adalah harta yang telah diterima atau telah lama diwarisi turun temurun sebagai dipapatahkan:

¹Datuk Maruhun Batuah dan Bagindo Tanameh, (t.t.), op. cit., hlm. 48.

²Anas SH., 1968, 'Masalah Hukum Waris menurut Hukum Adat Minangkabau', dlm. Mochtar Naim (ed.), 1968, op. cit., hlm. 107.

³Hamka, 1968, op. cit., hlm. 20.

"Birik-birik tabang ka sawah,
 dari sawah tabang ke halaman,
 patah sayok tabang baranti,
 basuo di tanah bato;
 dari nenik turun ka mamak,
 dari mamak turun ka kamanakan,
 patah tumbuh hilang baganti,
 pusako tatap baitu juo.

Harta pusaka tinggi dinamakan juga pusaka basalin, tidak boleh dijual dan/atau digadaikan kecuali dalam keadaan dharurat dengan syarat-syarat tertentu"¹. Disamping itu sistem pewarisannya adalah "kewarisan kolektif, iaitu diwarisi oleh sekumpulan ahli waris dan tidak boleh dibagi pemiliknya dan dimungkinkan dilakukan ganggam bauntuek"².

Sedangkan pusaka rendah pula ialah segala harta pusaka yang diperolehi dari hasil usaha pekerjaan dan pencarian sendiri yang boleh dijual dan digadaikan menurut keperluan dengan sepakat ahli waris³. Harta pusaka rendah ini apabila sudah sekali turun melalui anak perempuan, ia menjadi harta pusaka tinggi⁴.

Dari kenyataan ini jelaslah bahawa pusaka rendah itu dahulunya adalah harta pencarian. Selain dari itu, yang termasuk dalam golongan harta

¹ Dt. Gunung Hidjau, H.A.K., 1968, "Kedudukan Agama dan Adat di Minangkabau", dlm. Mochtar Naim, (ed.), 1968, op. cit., hlm. 122.

² Jahja, SH., 1968, 'Hukum Waris dan Tanah dan Praktek-praktek Peradilan', dlm. Mochtar Naim, (ed.), 1968, op. cit., hlm. 86.

³ Dt. Gunung Hidjau, H.A.K., 1968, ibid., hlm. 122.

⁴ Hamka, 1968, op. cit., hlm. 29.

jenis ini ialah harta suarang¹, harta bawaan (harta yang dibawa oleh suami pada masa berkahwin) dan harta tapatan (harta isteri yang ada pada masa berkahwin).

6. Penutup dan Kesimpulan.

Dari huraian dan perbincangan yang agak ringkas mengenai beberapa aspek utama sistem adat di Negeri Sembilan, disamping membuat penelitian sambil lalu tentang sistem adat Alam Minangkabau, beberapa perkara dapat diutarakan.

Sebelum kita melihat perkara-perkara tersebut, kita harus terlebih dahulu menyedari bahawa sistem adat di Minangkabau, iaitu adat Tuah Disakato, terpecah kepada dua: adat di Laras Bodi Caniago (yang mengikut ajaran Datuk Papatih nan Sebatang) dan adat di Laras Koto Piliang (yang mengikut Datuk Ketumanggungan). Pada dasarnya antara kedua-dua adat ini tidak banyak perbezaan

Persoalannya sekarang ialah adakah adat papatih di Negeri Sembilan itu bersamaan dengan adat Bodi Caniago, yang mengikut nama, sudah sebenarnya; adat bersamaan dengan adat Koto Piliang - Adat Datuk Ketumanggungan/Adat Temenggung? Atau adakah adat Negeri Sembilan itu bukan adat Bodi Caniago dan Koto Piliang

¹Menikut Jahja S.H., "Harta suarang adalah berlainan sama sekali dengan harta pencarian, sebab harta suarang itu adalah segala harta yang diperolehi oleh suami isteri secara bersama berlangsungnya perkahwinan." Lihat Jahja, S.H. 1968, op. cit., hlm. 88; sedangkan harta pencarian pula "mungkin milik seorang laki-laki maupun milik seorang perempuan", hlm. 87.

tetapi adalah adat Alam Minangkabau sebagai keseluruhan - adat
Tuah Disakato?

Dari segi sejarah kita lihat sejak zaman awal lagi telah ada 'perubahan' dalam sistem adat Negeri Sembilan dari tradisi asal di Minangkabau. Dalam perlatikan Undang pertama dan kedua di Rembau, penekanan adalah pada pihak bapa walaupun pihak ibu (suku Biduanda) yang bukan mengamalkan sistem adat Minangkabau telah diberi status yang tinggi. Selanjutnya, terpecah duanya suku biduanda di Rembau boleh dipertikaikan kesahan penuntutan pusaka 'waris' yang bermaksud 'orang asal'. Keadaan seperti ini tidak hanya berlaku di Rembau tetapi juga di Luak-luak adat yang lain di Negeri Sembilan. Kita lihat sahaja di Naning. Pada zaman awal sehingga Datuk Megat Junjungan Limau, penghulunya adalah dari suku Biduanda, tetapi penggantinya, iaitu Penghulu yang ketiga dalam senarai Penghulu Naning, Datuk Juara Megat, adalah dari suku Sri Melenggang¹. Bagitu juga keadaannya di Terachi dan Luak Gunung Pasir sebagai yang dinyatakan di bahagian awal di atas tadi. Jadi apa yang dapat kita simpulkan di sini ialah: hak waris, telah diketepikan. Tegasnya, tidak ada kekokohan dalam peraturan adat yang telah dimenterikan oleh sistem itu sendiri.

¹ Shahba, 1951, Pusaka Naning, K. Pilah: Sentoasa Store, hlm. 19-20. Untuk senarai Penghulu Naning sehingga sekarang lihat, Curtis, R.J.F., 1980, 'The Revival of the Title of Dato Naning in 1921', JMBRAS, 53(2), hlm. 101.

Satu lagi perkara yang jelas lari dari garisan asal sistem adat Minangkabau ialah kuasa ketua komuniti. Di Negeri Sembilan, berdasarkan perbilangan-perbilangan yang ada, Undang atau Penghulu Luak mempunyai kuasa mutlak, sesuatu yang tidak ada di Laras Bodi Caniago. Malahan status Undang itu sendiri adalah unik untuk Negeri Sembilan sahaja kerana ia tidak ada mempunyai persamaan dengan mana-mana sistem politik di Minangkabau; baik Koto Piliang apalagi Bodi Caniago.

Keadaan yang berbeda ini berlanjutan lagi kepada ketua-ketua adat adat yang berikutnya, ialah Lembaga. Mungkin Lembaga mempunyai persamaan dengan penghulu suku di Minangkabau tetapi mengenai kedudukan kuasa, antara kedua ini mempunyai perbezaan.

Dalam menjalankan tugas politik, di Negeri Sembilan, perbincangan diperingkat atas adalah tertutup dengan maksud hanya Lembaga-lembaga yang berkenaan dan Undang sahaja yang berbincangkan dan akhirnya membuat keputusan. Keputusan tersebut sering kali dicapai berdasarkan budi bicara Undang. Keadaan ini bersamaan dengan Laras Koto Piliang tetapi tidak Bodi Caniago di mana perbincangan adalah dijalankan secara terbuka dengan dihadiri/dilihat oleh rakyat banyak. Keputusan yang dipakai adalah keputusan yang diperolehi dengan sebulan suara tanpa sebarang penentangan.

Akibat dari adanya 'kekuasaan' pada diri individu ini, keadaan dalam politik di Negeri Sembilan sering dilanda peperangan

dan kacau bilau yang mengorban nyawa dan harta benda; suatu keadaan yang jarang berlaku di Minangkabau. Keadaan anarki yang berpunca dari perebutan kuasa ini telah membawa masuk elemen-elemen baru dalam struktur politik Negeri Sembilan; mula-mula kewujudan institusi Yang Dipertuan Besar (Yamtuan Besar), kemudian diikuti pula oleh institusi Yamtuan Muda (walaupun tidak kekal) di Rembau dan Jelebu¹; dan akhirnya kemasukan Inggeris.

Dari kenyataan di atas dan juga darihuraian dan perbincangan mengenai aspek-aspek lain dalm sistem ini di atas jelaslah bahawa adat Negeri Sembilan mungkin bukan adat Tuah Disakato tetapi lebih mirip kepada adat Elo-Baleh atau kemudiannya terkenal dengan nama Undang-undang Tariék-baleh; iaitu suatu adat yang wujud di Minangkabau sebelum munculnya adat Tuah Disakato. Malahan kemunculan adat Tuah Disakato, susunan Sutan Balun/Datuk Papatih nan Sebatang boleh dianggap sebagai tindak balas dari undang-undang tersebut².

Untuk membuktikan kebenaran kenyataan ini penyelidikan yang mendalam serta teliti adalah perlu. Tetapi sebagai pembuka fikiran dapatlah diujjahkan bahawa jika benar orang-orang Minangkabau

¹Untuk keterangan lanjut mengenai institusi Yamtuan Muda ini lihat: Norhalim Hj Ibrahim, 1978, op. cit., hlm. 16-40.

²Keterangan lanjut tentang adat ini akan diberikan dalam kertas lain.

telah berhijrah ke Rembau/Negeri Sembilan dipertengahan tahun 1330-1340an (newbold) maka ini bermakna Adat Tuah Disakato masih belum kokoh lagi di Minangkabau. Tegasnya, pada masa itu Minangkabau berada dalam zaman transisi, dari era Undang-undang Elo-baleh ke zaman adat Tuah Disakato. Jadi adat yang dibawa oleh Datuk Lela Balang ke sini adalah adat yang lebih berat kepada Undang-undang Elo-baleh.

Selanjutnya, jika kita bersetuju dengan pendapat mengatakan bahawa Sutan Balun sendiri yang datang ke sini¹, selepas beliau berkecil hati dengan Sutan Marajo Basa, lalu merajuk dan merantau; maka ini bermakna adat Tuah Disakato masih belum diperkenalkan lagi di Minangkabau. Adat Tuah Disakato hanya diperkenalkan selepas kembalinya Sutan Balun ke Minangkabau dari perantauannya². Tegasnya adat yang dibawa oleh peneroka tersebut ke Negeri Sembilan adalah adat yang wujud di Minangkabau sebelum wujudnya Adat Tuah Disakato, iaitu Undang-undang Elo-baleh.

Satu lagi kenyataan yang harus difikirkan dalam masalah ini ialah tentang perbilangan yang terkenal di Negeri Sembilan, yang kononnya dianggap sebagai perbilangan adat Temenggung, yang berbunyi:

¹Newbold menyatakan bahawa berdasarkan terombo tempatan, Tu Pattir yang menjadi ketua rombongan orang Minangkabau yang mula datang ke Naning. Tu Pattir ini mungkin pelat daerah untuk Datuk Perpatih yang pada masa itu belum bergelar nan sebatang lagi. Newbold, 1839, op. cit., hlm. 77.

²Lihat Darwis Thaib Dt. Sidi Bandaro, 1965, op. cit., hlm. 17-18.

Siapa menjala siapa terjun,
 siapa bersalah siapa bertimbang,
 siapa membunuh siapa kena bunuh;
 hutang darah dibayar darah,
 hutang nyawa, nyawa padanya¹.

Dilihat dari leggok bahasa perbilangan di atas jelaslah bahawa ia bukannya dari era adat Tuah Disakato tetapi dari zaman Undang-undang Elo-baleh, dimana salah satu daripada perbilangannya berbunyi:

Kok palu babaleh palu,
 nan tikan babaleh jo tikam,
 hutang ameh bayie jo ameh,
 hutang padi bayie jo padi,
 hutang kato bayie jo kato².

Zaman Undang-undang Elo-baleh ini adalah satu jangka masa yang penuh dengan huru-hara. Pergaduhan dan malahan peperangan di antara suku, di antara kampung berdasarkan dandam jo kasumat menjadi pakaian sehari-hari. Tiap-tiap rumah gadang, tiap-tiap koto menjadi kubu pertahanan. Tiap-tiap pemuda terpaksa mempelajari pancak-silat bagi melawan dan mempertahankan diri dari serangan musuh. Setiap kali berlaku pembunuhan dan pembunuhnya tertangkap maka hukum talio akan

¹Za'ba, 1934, Ilmu Mengarang Melayu, K. Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, edisi baru, 1962, hlm. 102.

²Bahar Dt. Nagari Basa, 1966, op. cit., hlm. 14.

akan dijalankan¹. Keadaan anarki yang secara logik akibat dari Undang-undang Elo-baleh ini telah menggalakkan kumpulan orang-orang Minangkabau meninggalkan negerinya (merantau) dan membuka penempatan baru dengan membawa bersama-sama mereka Undang-undang tersebut tetapi dalam keadaan yang agak modified. Adat ini telah dipersesuaikan lagi dengan keadaan masyarakat tempatan apabila berlaku asimilisasi dan akulturasi sistem sosial hasil perkahwinan campuran. Dan salah satu daripada tempat-tempat yang telah diteroka adalah Rembau/Negeri Sembilan.

Sebaliknya, jikalau pembunuhan Rembau dan lain-lain wilayah di Negeri Sembilan bukan kerana pelarian dari undang-undang tersebut, tetapi hasil merantau maka sudah tentu orang-orang Minangkabau tidak akan menetap terus sehingga sekarang. Tradisi merantau mengatakan:

Karantau madang di hulu,
babuah babungo balun,
marantau bujang dahulu,
di rumah baguno balun².

Berdasarkan gurindam ini nyatalah bahawa mereka yang merantau di harapkan akan balik semula ke rumah gadangnya di suatu masa nanti.

¹Datoek Batoeh Sango, 1966, op. cit., hlm. 241. Penyulaan pembunuh yang terikat pada sebatang pohon. Pembunuhan itu dijalankan dengan penuh upacara (magis dan keugamaan) oleh waris (abang atau bapa saudara sebelah ibu) terdekat mangsa kejadian tersebut.

²Darwis Thaib Dt. Sidi Bandaro, 1965, op. cit., hlm. 79.

Tetapi orang Minangkabau yang membuka Rembau tidak balik lagi ke negeri asalnya. Mereka menetap di sini dan membentuk suku-suku baru menggunakan nama kampung asal mereka di Minangkabau, misalnya Tanah Datar dari Luhak Tanah Data, Paya Kumbuh dari satu tempat di Luhak Lima Puluh Koto, dan lain-lain. Dengan menamakan suku dengan nama-nama tempat asal mereka mungkin dapat memberi gambaran bahawa mereka ke Rembau bukan untuk mendapatkan sebanyak pelajaran/pengetahuan, kekayaan atau sekurang-kurangnya pengalaman yang boleh, dan kemudian balik ke tempat asal mereka¹; tetapi untuk menetap terus. Dan ini bukanlah suatu pelakuan tradisi merantau tetapi satu pelarian. Lari dari apa? Jawapan yang paling sesuai mungkin ialah lari dari keadaan huru hara dan keadaan yang tidak stabil dimana nyawa individu sentiasa terancam, iaitu keadaan yang diwujudkan oleh Undang-undang Elo-Baleh.

Akhir sekali, kalaulah benar mereka merantau tetapi kemudian menetap di Rembau/Negeri Sembilan maka apa yang harus diambil perhatian ialah: Semakin jauh mereka merantau maka semakin ramai orang-orang luar yang bukan dari kelompok etnik yang sama akan mereka temui. Dengan itu mereka (orang-orang Mingkabau) terpaksa mengubah suaikan sistem sosial mereka dengan keadaan baru tersebut.

¹ Mochtar Naim, 1971, Merantau: Causes and Effects of Minangkabau Voluntary Migration, (mimeograph), Institute of Southeast Asian Studies, University of Singapore, Singapore, hlm. 20, dan dalam Merantau dan Pengaruhnya Terhadap Pembangunan Daerah di Sumatra Barat, Centre for Minangkabau Studies, Padang, 1972, hlm. 55.

Sistem yang telah diubahsuaikan ini, terutama sekali di rantau yang jauh seperti Siak dan Rembau/Negeri Sembilan adalah satu bentuk yang hanya menampakkan kesan-kesan (vestiges) sistem asalnya sahaja.

Satu lagi perkara yang harus dipertimbangkan dalam kes ini ialah penghijrah-penghijrah itu sendiri bukannya datang terus dari Minangkabau tetapi mungkin datang dari salah satu rantau Minangkabau yang lain atau malahan mungkin dari rantau kepada sebuah rantau! Keadaan ini sangat jelas terbayang dalam salah satu perbilangan Rembau/Negeri Sembilan yang menekankan statusnya sebagai sebuah rantau yang berkait dengan Siak yang juga adalah rantau Minangkabau (lihat peta 2). Perbilangan yang dimaksudkan itu ialah:

Beraja ke Johor,
Bertali ke Siak,
Bertuan ke Minangkabau.

Perbilangan ini sebagai keseluruhan menunjukkan status politik Rembau/Negeri Sembilan dizaman keagungan kerajaan Melayu. Kata-kata yang menjadi inti kepada perbilangan ini ialah beraja, bertali, dan bertuan. Tiap-tiap kata itu membawa maksud dan konsep tersendiri. Istilah beraja dalam baris pertama bermaksud bernaong. Johor diambil sebagai nagara tempat berteduh kerana pada masa itu kerajaan Johor, selepas jatuhnya kerajaan Melaka, adalah kerajaan

Melayu yang terkuat dan berpengaruh di Semenanjung Tanah Melayu. Jadi, demi keselamatan Rembau/Negeri Sembilan terpaksa mengakui kekuasaan Johor, dan ini berlaku juga dengan lain-lain negeri di Tanah Melayu pada masa itu.

Kata bertali dalam baris kedua perbilangan tersebut jelas sekali mengkaitkan Rembau/Negeri Sembilan dengan kerajaan Siak. Perkataan bertali membawa maksud: perhubungan. Perhubungan ini memberikan berbagai implikasi; antaranya perhubungan atau berkaitan darah dan/atau waris. Persoalannya ialah mengapa Siak dan tidak salah satu dari Lubak (Agam, Tanah Data, Limo Puloh Koto atau Kubang Tigo Baleh) di Minangkabau sendiri atau rantau-rantau yang lain? Jadi kemungkinannya ialah orang-orang yang datang ke Rembau/Negeri Sembilan bukannya berasal dari Minangkabau tetapi dari Siak; dan yang berasal dari Minangkabau ialah keluarga mereka yang di Siak. Nama-nama tempat yang dijadikan nama suku di Rembau/Negeri Sembilan itu adalah tempat asal nenek moyang mereka. Ini adalah untuk mengingatkan dan mengikatkan kembali kelompok dan perkampungan baru mereka dengan tempat asal usul mereka.

Baris terakhir perbilangan ini adalah suatu yang umum untuk semua rantau Minangkabau yang mengikut sistemnya, adalah dianggap sebagai hak raja. Atas sebab ini jugalah Yang Dipertuan Rajo Alam Minangkabau mewakilkan putra-putranya menjado rajo di rantau; dengan

itu baginda dapat mengokohkan lagi kekuasaannya untuk memungut cukai bagi pembiayaan makan minum penghuni istananya.

Laras Koto Piliang (adat Temenggung) memasukkan raja dalam sistem kewibawaannya, walaupun raja dan dua orang pembantunya (Raja Adat dan Raja Ibadat) bukan anggota laras tersebut. Akibat dari sistem ini, dan akibat menganggap rantau sebagai rantau daulat, struktur sosio-politik rantau, sebagai suatu keseluruhan adalah mengikut sistem Koto Piliang¹. Namun demikian, sistem ini tetap menerima orang-orang Minangkabau dari Laras Bodi Caniago (Adat Parapatieh), sebagaimana Bodi Caniago orang-orang dari Koto Piliang.

Kesilapan yang telah dilakukan oleh hampir kesemua penulis mengenai adat di Semenanjung Malaysia ialah mengandaikan yang masyarakat Melayu Negeri Sembilan mengamalkan Adat Perpatih (Bodi Caniago) dan Adat Temenggung (Koto Piliang) pula dianut oleh masyarakat Melayu di negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia. Kesalahan ini adalah hasil dari kurang faham penduduk Negeri Sembilan sendiri, yang menjadi informan kepada penulis-penulis tersebut tentang sistem sosial Minangkabau yang sebenarnya.

¹Datuk Maruhum Batuah, A.M. dan Bagindo Tanameh, D.H., (t.t.), op cit., hlm. 40.